Menempuh JALAN MAKNAWI

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

Menempuh JALAN MAKNAWI

Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama : ZulQaedah 1436H - September 2015M

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Menempuh JALAN MAKNAWI

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa :
Rahmat Syazili

Daftar Isi

Sidna As Syeikh Al Kamil
As Syarif Abdun Nasir Al Hasani As-Syazili

Sekapur Sireh

الحَمدُ للهِ رَبِّ العَالَـمِين * اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَذُرِّيَّتِهِ الـمُبارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الأَكرَمِينَ وَأَزواجِهِ أُمَّهَاتِ الـمُؤمِنِينَ صَلَاةً مَوصُولَةً تَتَرَدَّدُ إِلَى يَومِ الدِّينِ * وَبَعدُه؛

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dariNya sekarang dapat kami terbitkan siri pertama dari koleksi terjemahan Melayu artikel guru murrobbi kami Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni dari asal teks Bahasa Arabnya yang beliau siarkan secara berterusan di laman Facebook sejak bertahun-tahun.

Penulisan beliau yang menyentuh berbagai topik dan secara khusus memfokus kepada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali hati dan naluri insan Muslin dan nonmuslim di zaman kita telah membuka mata, akal dan sanubari kami murid-murid beliau di

tanah air, ia telah membantu memperbetul berbagai kesalahfahaman kami serta meluruskan halatuju dalam hidup untuk menempuh jalan menuju ALLAH.

Maka inilah kami bukukan artikel-artikel Syeikh kami itu buat peringatan dan obor menerangi hayat... untuk kita sekarang dan buat generasi yang mendatang.

وَاللهُ وَلِيُّ التَّوفِيقِ وَالسَّدَادِ وَإِلَيهِ المَرجِعُ وَالمَعَادُ.

-Penerbit-

Kata Pengantar Ini Menarik Hatiku

9 Januari 2012

Al-Arif Billah Sidi Daud Bin Umar Bin Ibrahim Al-Baakhaliy As-Syazili Al-Masri juga terkenal dengan panggilan Saiyidina As-Syeikh Al-Kamil Daub Makhala merupakan salah seorang khalifah besar kepada Saiyidina Abul Hasan As-Syazili -moga ALLAH meredhoi beliau dan kedua orang tuanya, para pengikut dan muridnya serta seluruh solihin-. Tahun kewafatan beliau ialah pada 733H.

Kitab karangannya yang amat besar faedah berjudul اللطيفة المرضية بشرح دعاء الشاذلية (Kelembutan Yang Diredhoi Pada Syarah Doa Syaziliy) telah diselenggara penerbitannya oleh saudara yang kami cintai Dr. Muhammad Bin Abd. Qadir Nassar, moga ALLAH memeliharanya atas usaha gigih menerbitkan kitab sebegini dan menjadikan ia sebagai amalan yang tercatat pahalanya dalam suratan kedua orang tua dan

para ahbabnya.

———————— · ————————

Dalam kitab ini Sidi Daud berkata:

Segala puji bagi ALLAH yang telah menerangi hati pada awliya'Nya dengan nur makrifatNya, ALLAH memenuhi hati-hati itu dengan penyaksian terhadap keagungan jalal dan jamalNya dari kehebatan dan mahabbahNya. ALLAH memperkenalkan mereka kepadaNya lalu kenal-lah mereka kepadaNya, ALLAH mendampingkan mereka denganNya lalu terpesonalah mereka ditengah laut keagunganNya, ALLAH mengurniai mereka dampinganNya, memberi mereka persalinan taufiq dan karamahNya, dan ALLAH menjadikan para awliya'Nya itu berkedudukan selepas para nabi dan rasulNya alaihimus solatu was salam sebagai pilihan teristimewa dikalangan abdi dan sebaik-baik ciptaanNya.

Maka demikianlah para awliya' itu; kalam mereka adalah *syifa'* (kesembuhan) dan pandangan mereka kepada segala macam penyakit hati adalah penawar. ALLAH jadikan mereka sebagai dalil petunjuk denganNya kepadaNya bagi hamba yang dipilih ALLAH beroleh inayahNya.

Maka demikianlah para awliya' itu; kewujudan mereka menurunkan keberkatan, doa dan harapan mereka mendaratkan cahaya dan kebajikan, kerana mereka bernasab kepada agung sifat rububiyyah

ALLAH lagi mereka diistimewakan dengan kelembutan dan rahmat dariNya.

ALLAH melindungi dan memayungi mereka, ALLAH menjaga mereka dengan ri'ayahNya, ALLAH mendampingkan dan mendekatkan mereka kepadaNya, ALLAH meletakkan mereka di dalam kawalan dan jagaanNya, maka jadilah mereka denganNya aman dari segala marabahaya.

Demikianlah seperti yang difirmankan ALLAH Taala tentang mereka:

أَلَا إِنَّ أَولِيَاءَ اللهِ لَا خَوفٌ عَلَيهِم وَلَا هُم يَحزَنُونَ

"Ketahuilah bahawa para awliya' ALLAH itu tiada ketakutan bagi mereka lagi tidak bersedih hati..." - Surah Saiyidina Yunus : 62

Dan selawat ALLAH kepada quthub daerah kerajaanNya lagi mentari di ufuk ghaib dan syahadahNya; baginda junjungan Saiyidina Muhammad hamba dan pesuruhNya, yang merupakan sebaik-baik nabi dan rasulNya, beserta seluruh khalifah Baginda, isteri-isterinya, para zuriatnya, keluarganya dan seluruh sahabatnya...

Tuan-puan sekalian, lihatlah betapa keindahan kata dan ungkapan ini. Penuh dengan keterangan yang

jelas, berterus terang, jujur lagi mantap pada mentakrif kedudukan para awliya', solihin dan muqarrabin disisi ALLAH Robbul Alamin, Tuhan yang Maha Rahman terhadap dunia dan akhirat, Maha Rahim terhadap hambaNya yang beriman. Demikianlah takrifnya yang amat simple dan bersahaja tanpa sebarang kekusutan bahasa atau penyelewengan makna.

Jelas bahawa merekalah para pewaris sebenar dan penerus Baginda, para pemegang syariat agama kita yang tinggi lagi amat berharga. Merekalah yang kita cari-cari di tiap zaman dan tiap tempat untuk kita mengambil dan menuntut dari mereka segala ilmu dan beradab dengan peradaban mereka, berakhlak dengan akhlak mereka. Kepada merekalah kita meminta dengan penuh kasih, sayang dan simpati agar sudilah apa kiranya mereka membimbing kita ke jalan ALLAH subhanahu wa taala.

Allahumma kenalkan kami dengan mereka, muliakan kami dengan mereka dan bangkitkan kami bersama mereka.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّد وَعَلَى آلِه وَصَحبه وَسَلِّم
تَسلِيمًا كَثِيرًا إلَى يَوم الدِّين. سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا
يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى المُرسَلِينَ وَالحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَمِين

Maaf : Artikel ini hanya untuk mereka yang punya hati... hati yang mahu kembali dan sejahtera... bagi mereka yang syiarnya adalah berbaik sangka.

Mengapa Tangismu Ini

10 Januari 2012

بِسم اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا إِلَى يَومِ الدِّينِ.

Riwayat hadis ini tercatat dalam Sunan Sidi Al-Imam Ibnu Majah -radhiyallahu 'anhu wa 'an ahbabih-; beliau meriwayatkan bahawa pada satu hari Saiyidina Umar Ibnul Khattab -radhiyallahu 'anhu wa 'an jami'is sohabah- keluar ke masjid Saiyidina Rasulillah -sollalahu 'alaihi wa sallam-, di sana beliau mendapati Saiyidina Muaz Bin Jabal -radhiyallahu 'anhu wa 'an jami'is sohabah- sedang duduk menangis di sisi kubur Saiyidina wa Maulana Rasulillah -sollalahu 'alaihi wa sallam-.

Saiyidina Umar lantas bertanya: "Apa yang membuatmu menangis?", jawab Saiyidina Muaz: "Sesuatu yang ku dengar dari Baginda Rasullillah

-sollalahu 'alaihi wa sallam- buat aku menangis… Aku telah mendengar Baginda Rasulillah -sollalahu 'alaihi wa sallam- bersabda:

"Sesungguhnya sedikit riya' itu syirik, dan sesungguhnya barangsiapa memusuhi seorang wali ALLAH maka dia telah terang-terang mencabar ALLAH berperang. Sesungguhnya ALLAH mencintai golongan abrar (soleh) lagi taqwa dan sembunyi diri; yaitu mereka yang kalau tiada orang tidak kehilangan mereka, jika mereka hadhir orang tidak mengenali mereka, hati-hati mereka bagai pelita hidayat dan mereka keluar dari segala debu dan zulmat ".

============================

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.. betapa indahnya hadis ini dan betapa indahnya seluruh hadis Baginda yang lain.

Saiyidina Umar sentiasa datang menziarahi Sidnan Nabi -sollalahu 'alaihi wa sallam- dan beliau sentiasa mengucap salam kepada kekasih dan sahabatnya itu.

Saiyidina Muaz menangis kerinduan… duduk berjam-jam di muwajahah (pagar penghadapan maqam) menziarahi kekasih dan sahabatnya junjungan Baginda -sollalahu 'alaihi wa sallam-.

Sahabat-sahabat besar takut dengan riya' kerana bereka dalam ubudiyyah yang tulus kepada ALLAH azza wa jalla.

Aduh celaka dan amat celakalah kita dari ALLAH yang Maha Keras lagi Maha Perkasa jika kita mempersenda, merendah-rendahkan, mendustakan, memukul, memenjara, membunuh dan mengata kafir kepada awliya Allah. Kerana mereka adalah para penolong ALLAH, mereka adalah para kekasih ALLAH dan mereka adalah para Ahlillah. Saya mohon siding pembaca sekalian memahami hakikat ini moga-moga ia memberi manfaat kepada kita bersama.

Sidang pembaca budiman... Pergilah hadiri jenazah orang yang memerangi awliya ALLAH tidak kira siapa pun orang itu; bumi tak mahu menerimanya, keadaan fizikalnya berubah dan banyak lagi [keaiban yang berlaku pada mayatnya] yang menjadi rahsia umum diketahui oleh ahli keluarga si mati... [tak patutlah dicerita-ceritakan] kerana ia merupakan aurat dan menutup keaiban orang yang telah mati itu adalah ajaran syariat Islam kita.

Adapun waktu hidup di dunia maka orang yang ingkar dan membenci awliya dibalakan ALLAH dengan penyakit homoseks dan mereka terkenal dengan sumbang mahram dan ia merupakan fenomena biasa mereka lagi diketahui ramai di mana-mana di seluruh dunia kita.

Ya ALLAH wahai yang Maha Menyelamat selamatkanlah kami dan peliharakan kami dari segala bentuk ingkar, jadikanlah kami ahli taslim (menyerah

diri), ahli yakin dan tasdiq kepada para abdiMu yang solihin, dan muliakanlah kami dapat berbaik sangka dengan para abdiMu yang muqorrobin.

Allahumma amin,

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا كَثِيرًا إِلَى يَوم الدِّينِ. سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى المُرسَلِينَ وَالحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَمِين

Maaf : Artikel ini khusus untuk mereka yang memusuhi para awliya ALLAH Jalla Jalaluh.

Taubatlah kamu, menyesALLAH dan istighfarlah

berdoalah kamu: Ya Robbi sallimna…

Menempuh Jalan Maknawi

7 Januari 2012

Menempuh perjalanan maknawi adalah terlalu sulit melainkan bagi mereka yang diciptakan untuk melalui jalan ini. Adapun Sidnan Nabi صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم sendiri telah bersabda:

كُلٌّ مُيَسَّرٌ لِـمَا خُلِقَ لَهُ.

"Setiap orang dipermudahkan untuk melakukan sesuatu yang dia diciptakan untuknya".

Demikianlah ALLAH Taala menciptakan setiap insan untuk mengerjakan suatu amalan dan Dia memudahkan jalan bagi si hamba untuk melakukan pekerjaan itu.

Ada dua jenis HIJAB (halangan):

1) Hijab ***rayni*** -نعوذ بالله منه- yang takkan tersingkap selama-lamanya.

2) Hijab ***ghayni*** yang dapat dihapus dengan segera.

Mari diperjelaskan perkara ini:

Adakalanya diri seorang hamba itu sendiri yang menghijabnya dari ALLAH, orang ini sama baginya hak dengan batil.

Ada pula seorang hamba yang sifat dirinya menghijabnya dari ALLAH, namun tabiat dan sirr (intipati) dirinya sentiasa mencari-cari ALLAH subhanahu wa taala dan sentiasa lari dari kebatilan.

Maka hijab diri itulah rayni yang takkan tersingkap selama-lamanya. Adapun makna istilah rayn, *khatm* dan *thab'* adalah sama seperti yang warid dalam firman ALLAH Taala:

كَلاَّ بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِم ما كَانُوا يَكْسِبُونَ. كَلاَّ إِنَّهُمْ عَن رَّبِّهِمْ يَوْمَئِذٍ لَّمَحْجُوبُونَ

Sebenarnya! (ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan. Jangan lagi mereka berlaku demikian! (kalau tidak), mereka pada hari itu, tetap terdinding dari (rahmat) Tuhannya. – Al-Muthoffifin: 14-15

Hukum bagi orang yang berkeadaan demikian itu

telah dijelaskan ALLAH Taala dalam firmannya:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُواْ سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لاَ يُؤْمِنُونَ

"Sesungguhnya orang-orang kafir itu sama sahaja jika engkau memberi amaran atau tidak mereka tetap takkan beriman..."- Al-Baqarah: 6

Sebab bagi keengganan mereka dijelaskan pula oleh ALLAH Taala dalam firmanNya:

خَتَمَ اللّهُ عَلَى قُلوبِهمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ عظِيمٌ

"ALLAH telah mengecap hati-hati mereka, pendengaran mereka dan pengelihatan mereka dengan kesamaran dan bagi mereka azab yang besar"- Al-Baqarah: 7

وَخَتَمَ عَلَى سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَى بَصَرِهِ غِشَاوَةً فَمَن يَهْدِيهِ مِن بَعْدِ اللَّهِ أَفَلا تَذَكَّرُونَ

"...dan ALLAH telah mengecap pendengaran dan hatinya, ALLAH jadikan pandangannya kabur, maka siapakah yang dapat memberinya petunjuk sesudah Allah?! Apakah mereka tidak mengambil

peringatan?!" – Al-Jatsiyah: 23

Kalimah *khatm* disebut dalam 5 ayat Al-Quran.

Lagi firman ALLAH Taala:

أُوْلَئِكَ الَّذِينَ طَبَعَ اللّٰهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَسَمْعِهِمْ وَأَبْصَارِهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ

"Merekalah orang-orang yang ALLAH telah tempa hati, pendengaran dan pengelihatannya, dan merekalah orang-orang yang lalai".

كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللّٰهُ عَلَى قُلُوبِ الْكَافِرِينَ

"Demikianlah ALLAH menempa hati orang-orang yang kafir".

كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللّٰهُ عَلَى قُلُوبِ الَّذِينَ لا يَعْلَمُونَ

"Demikianlah ALLAH menempa hati orang-orang yang tidak mengetahui".

كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللّٰهُ عَلَى كُلِّ قَلْبِ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ

"Demikianlah ALLAH menempa hati tiap orang yang sombong dan membesar diri".

Kalimah *thab'* disebut dalah 11 ayat AL-Quran.

Adapun hijab sifat ghayni pula dapat dihapus pada waktu-waktu tertentu. Memang bertukar sifat adalah sesuatu yang boleh berlaku. Tapi kalau pertukaran zat diri - itu merupakan keanehan dan hukumnya ajaib.

Perumpamaannya adalah seperti berikut:

Adalah tidak mungkin mencipta cermin dari batu walau dengan apa cara sekalipun, adapun cermin yang berkarat dapat diterangkan kembali dengan menggilapnya. Ini kerana zulmat adalah sifat asli bagi batu sedangkan terang adalah sifat asli bagi cermin. Dan asal itulah yang akan kekal seperti halnya hati.

Demikianlah keadaannya hati yang menjadi tawanan hijab ghayni; ia dapat diterangkan kembali dengan zikir yang banyak sebanyak-banyaknya dan dengan mujahadah yang berterusan. Kerana pada hati itu tersimpan jauhar, sirr, cahaya kebenaran dan hakikat.

Dengan demikian gigihlah seorang kembara di perjalanan hakikat maknawi, dia akan bahagia melaksanakan syariat tanpa rasa berat atau memberat-berati diri dalam melaksanakannya, dia menunaikan syariat itu dengan fitrah, mahabbah dan redho.

Adapun mereka yang sedari tanah kewujudannya berasal dari ingkar terhadap kebenaran dan menunggang kebatilan maka mereka ini takkan selama-lamanya menemui jalan kepada bukti-bukti kebenaran. Mereka hidup sebagai mayat-mayat

bergelimpangan dalam kesesatan yang terang benderang; tanpa pancaindera, tanpa perasaan... mereka dengan mudah mengkafirkan kaum Muslimin walau dengan sebab yang paling remeh.

Mereka tidak mahu pada rahmat ALLAH dan mereka tidak mahu rahmat ALLAH turun kepada ahli zikir. Hati-hati mereka sakit lalu sakitlah pula seluruh anggota mereka, mereka mahu kejahatan menimpa seluruh manusia dan apa yang mereka tahu hanyalah kejahatan semata dan merekalah ahli kejahatan.

Allahumma peliharalah kami dari mereka, jadikanlah antara kami dengan mereka ada hijab penghadang dariMu agar kami tidak melihat mereka dan mereka tidak melihat kami.

Allahumma amin. Sesungguhnya ALLAH Maha Kuasa atas tiap sesuatu.

Maaf : Hakikat kasyaf adalah kebinasaan bagi mereka yang terhijab, sepertimana hijab itu adalah kebinasaan bagi yang kasyaf. Kerana yang berdamping dekat takkan mampu menanggung kejauhan dan yang jauh pula takkan mampu berdampingan.

Wallahu a'lam.

ALLAH Maha Kuasa atas tiap sesuatu.

Nikmat Agung Kepada Alam Atas Kelahiran Penghulu Keturunan Adam

24 Januari 2012

بسم الله الرحمن الرحيم. وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم تسليما إلى يوم الدين

Dalam sejarah umat Islam kita hari ini merupakan antara hari yang dilimpahi keberkatan. Hari ini adalah hari pertama dari bulan Rabi'ul Awwal; bulan maulid Penghulu Umat kita dan Penghulu Segala Umat yang lain, iaitu bulan kelahiran Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Topik yang besar lagi agung ini telah banyak dibicarakan orang dari dahulu hingga sekarang dengan sikap pro dan kontra; masing-masing dengan dalil hujjahnya dan masing-masing mendakwa kebenaran berpihak kepadanya - wala haula wala quwwata illa billahil ‘aliyyil ‘azhim.

Sekarang mari kita ketepikan semua persengketaan itu untuk sama-sama memfokuskan kepada titik yang amat dasar iaitu; bahawa penghulu kita dan junjungan kita adalah Saiyidina MUHAMMAD صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه وسلم dan Baginda صلى الله عليه وسلم adalah yang memberi syafaat kepada kita, Baginda kekasih kita, Baginda sandaran kita, penghulu kita, Nabi kita, Rasul kita, pemimpin kita dan Imam kita!

Cukuplah kalau kita mengambil satu dari sifat-sifat Baginda صلى الله عليه وسلم ... -ALLAH mengurnia selawat dan salam buatmu, wahai Tuanku ya RasulALLAH, ya *syafi'al anaam*-. Cukuplah kalau satu sifat Baginda yang kita pilih itu kita bicarakan seumur hidup kita

kita selawatkan keatas Baginda atas satu sifat itu

kita bergembira dengannya atas satu sifat itu

kita memuji-muji Baginda صلى الله عليه وسلم atas satu sifat itu

kita merayakan Baginda صلى الله عليه وسلم atas satu sifat itu

sifat itu kita perkatakan dan menulis mengenai satu

sifa Baginda صلى الله عليه وسلم itu…

Tidak sama sekali, tidak, tidak, tidak, tidak dan tidak sama sekali pun kita telah menunaikan hak Baginda hatta tidak sepicis pun dari hak Baginda yang amat agung telah kita tunaikan walau seumur hidup kita mengerjakan segala penghargaan itu terhadap jasa Baginda صلى الله عليه وسلم keatas kita dari satu sifat itu.

Setiap orang adalah sama kedudukannya terhadap *point* ini dan tiada siapa pun yang berkata tidak mengenainya. Kalau begitu di mana sengketa sejarah yang berlarut-larut dan menyusahkan masyarakat mengenai perkara ini?!

Saya mohon tuan-puan untuk memahami dan mengkiaskan tamsilan ini [atas perkara lain yang berbangkit mengenainya]....

Jika kamu mencintai seseorang kamu hanya akan memandang darinya segala kebaikannya, kamu takkan terasa tentang keburukannya bahkan takkan memperdulikannya sama sekali.

Jika engkau mencintai seorang insan itu nescaya setiap amalan yang kamu lakukan kerananya dan kamu persembahkan untuknya akan kamu anggap kecil saja dan tidak ada apa susahnya melakukannya kerana cintamu pada si dia.

Jika dirimu mencintai seorang insan itu nescaya kamu takkan melupakannya walau bagaimana

sekalipun, kamu sentiasa akan mengenangnya, tetap mengingatinya dan mengharapkan dapat bertemu dengannya dan sanggup berkorban apa saja demi berjumpa dengannya… lalu makna-makna inilah yang kami rayakan terhadap Baginda Nabi, inilah yang kami lafazkan dalam selawat dan salam buat Baginda yang merupakan kekasih ALLAH سبحانه وتعالى Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

Tidak selayaknyakah Baginda itu kita fana'kan segalanya dari kita demi mengingatinya dan mengamal selawat dan salam keatasnya صلى الله عليه وسلم ?!

Sila tanyakan dirimu satu soalan ini :

Siapa kamu wahai manusia untuk mengingkari, menghukum kafir, mencaci maki atau mengharamkan perayaan atau majlis sambutan terhadap junjungan segala yang dimuliakan صلى الله عليه وسلم baik sambutan itu sekali seumur hidup atau berbentuk tahunan atau bulanan atau mingguan atau harian atau setiap waktu?!

Siapa kamu wahai manusia untuk melabel amalan selawat dan salam keatas Baginda صلى الله عليه وسلم sebagai bid'ah syirik dan segala macam label tohmahan serta qazaf (………) kepada hamba-hamba Allah?!

Ini nasihat buat diriku dan dirimu :

Jika kamu tidak beramal selawat dan salam kepada Baginda maka saya mohon kamu janganlah

mengingkari amalan ini supaya kamu tak menyesal sebelum mati kerana dibimbangi ketika itu sesal sudah tak berguna lagi buatmu.

Kitab yang dibicarakan pada kali ini berjudul:

النعمة الكبرى على العالم في مولد سيد ولد آدم

Nikmat Agung Kepada Alam Atas Kelahiran Penghulu Keturunan Adam

Pengarangnya adalah seorang Syeikhul Islam di zamannya; Syihabuddin Abul Abbas Ahmad Bin Muhammad Bin Hajar Al-Haitami As-Sa'diy Al-Anshari As-Syafie. Beliau lahir di Mesir seterusnya mendapat pendidikan dan wafat di Kota Mekah Al-Mukarromah (semoga ALLAH meredhoi beliau dan kita), Allahumma amin.

Beliau yang merupakan pendeta ilmu hadis yang tidak diragukan di zamannya telah membuktikan bahawa semua sahabat رضوان الله عليهم merayakan maulid Baginda صلى الله عليه وسلم dan mereka dipelopori oleh Khulafa'ur Rasyidun bermula dari Saiyidina Abu Bakar, Saiyidina Omar, Saiyidina Othman dan Saiyidina Ali رضوان الله عليهم أجمعين ورضي الله علينا بهم Allahumma amin.

Kitab ini ada di internet dapat dicapai dengan mudah bagi mereka yang mahu membacanya, yang mahu mengangkat martabat diri dan mahu berbaik

sangka. Kitab ini dibaca di majlis-majlis keramaian dan sambutan maulid sejak zaman pengarang hingga ke hari ini - ولله الحمد والمنة-...nasihat saya kepada si mungkir agar jauhkanlah dirimu dari kami dan tinggalkanlah kami dengan hal kami.

Wahai kamu yang keras menentang, kalau kamu tak mahu rahmat ALLAH maka tolonglah jangan mengharamkan rahmatNya kepada orang lain kerana kami dengan seriusnya mahu dan menuntut, mengharap dan bertawassul, lagi ingin dan memohon akan rahmat ALLAH dan nikmatNya.

Fahamkah kamu, wahai si hati batu?!

———————— . ————————

Segala puji bagi ALLAH yang telah menerangi umat yang dhaif ini lagi menguatkan mereka dengan kewujudan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم Penghulu para Rasul yang telah dimahkotai ALLAH Taala dengan mahkota kenabian dan ALLAH telah melantiknya menjadi Nabi kepada para Anbiya' sejak Saiyidina Adam –عليه السلام- masih bergelumang dalam tanah ciptaannya.

ALLAH memilih Baginda menjadi kekasih lagi tabib yang teristimewa dari kalangan seluruh pilihanNya sekelian maka berfirmanlah Dia yang Maha Jujur dalam berkata:

وَمَا أَرسَلنَاكَ إِلَّا رَحمَةً لِلعَالَـمِينَ

"Dan tidaklah Kami mengutusmu wahai Muhammad melainkan sebagai rahmat kepada alam semesta". (Surah Al-Anbia': 107)

Kedatangannya telah diberi isyarat lagi khabar oleh wahyu kitab-kitab langit yang diturunkan dari Tuhan yang Maha Hidup lagi bersifat Shomad:

ومبشرا برسول يأتي من بعدي اسمه أحمد

"...aku memberi khabar gembira tentang kedatangan seorang Rasul selepasku bernama Ahmad". (Surah As-Soff: 6)

Lalu segala kitab itu mengisyaratkan tentang kelebihannya yang meliputi segala yang diafdhalkan:

أنى لهم الذكرى وقد جاءهم رسول مبين

"Bagaimana mereka dapat beringat (menyempurnakan janji mereka hendak beriman itu)? pada hal mereka telah pun didatangi seorang Rasul yang memberi keterangan-keterangan (yang cukup untuk mereka beriman)!" (Ad-Dukhan: 13)

Para penghuni di langit tertinggi berbantah-bantahan tentang puncak pencapaian ilmunya صلى

الله عليه وسلم dan para Anbiya tidak tercapai kepada sebahagian dari pengertian zahir mengenainya. Kerana Baginda صلى الله عليه وسلم adalah sir dari sujudnya Saiyidina Adam –عليه السلام-,

Baginda adalah doanya Saiyidina Ibrahim –عليه الصلاة والسلام-:

ربنا وابعث فيهم رسولا منهم يتلوا عليهم آياتك ويعلمهم الكتاب والحكمة ويزكيهم إنك أنت العزيز الحكيم

"Wahai Tuhan kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".(Al-Baqarah 2 :129)

ALLAH Subhanahu wa Taala mensucikan Baginda dari perkataan para penzalim lalu berfirman Dia:

وما صاحبكم بمجنون

"Dan tidaklah temanmu ini majnun". (Surah At-Takwir : 22)

Kemudian Dia bersumpah dengan umur Baginda di dalam Al-Quran yang terjaga dan terpelihara:

لعمرك إنهم لفي سكرتهم يعمهون

"Demi umurmu (ya Muhammad) sesungguhnya mereka buta dalam kemabukan mereka".(Al-Hijr : 72)

Maka kau ambillah pengajaran dari sumpah ini, wahai saudaraku tercinta.

ALLAH Taala menjadikan Baginda sebagi penutup segala syariatNya lalu meletakkan Baginda paling akhir yang fakhir (dibanggakan):

"Adapun makhluk pertama ciptaan ALLAH adalah cahaya Nabimu, wahai Jabir".

Maka dikeranakan itu ALLAH menjadikannya pada martabat ulul 'azmi yang diutamakan:

وإذ أخذنا من النبين ميثاقهم ومنك ومن نوح وإبراهيم

وموسى وعيسى ابن مريم

"Dan ketika kami mengambil janjisetia dari para Nabi dan darimu (ya Muhammad), juga dari Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa Bin Maryam..."(Surah Al-Ahzab : 7)

Bagindalah inti dari segala yang diwujudkan lagi

markaz kepada daerah para ‘arifin:

ما كان محمد ابا أحد من رجالكم ولكن رسول الله وخاتم النبين

“Tidaklah Muhammad itu bapa kepada salah seorang lelaki dari kalanganmu, melainkan dia adalah Pesuruh ALLAH dan khatam kepada segala nabiyyin”. (Surah Al-Ahzab : 40)

Baginda merupakan sirr dari segala rahsia yang zahir, Baginda merupakan tempat berlindungan bagi sekelian junjungan yang termulia, Bagindalah yang dijadikan ALLAH sebagai kelapangan jiwa bagi para ahli iman yang merujuk kepadanya menjadi hakim mereka dengan takzimnya.

فلا وربك لا يؤمنون حتى يحكموك فيما شجر بينهم ثم لا يجدوا في أنفسهم حرجا مما قضيت ويسلموا تسليما

“Maka Demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan Engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah Engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.” (Surah An-

Nisa' : 65)

Inilah dia sang kekasih صلى الله عليه وسلم yang menjadi wasilah kepada hamba berdosa, lalu ALLAH Taala berfirman kepada kita dalam kitabNya sebagai mengajari kita akan hujjah mempertahan diri di sana dengan pengajaran yang jelas dan terang supaya tahu kita bagaimana nanti seharusnya berpegang teguh dengan Baginda lagi faham dengan sebenar-benarnya:

ولو أنهم إذ ظلموا أنفسهم جاؤك فاستغفروا الله واستغفر لهم الرسول لوجدوا الله توابا رحيما

"Dan jikalau mereka menzalimi diri sendiri lalu mereka mendatangimu (ya Muhammad) maka mereka istighfar kepada ALLAH dan rasul beristighfar untuk mereka, nescaya pastilah mereka mendapati ALLAH Maha Menerima Taubat lagi Maha Penyayang". (Surah An-Nisa : 64)

Wahai Jaminan yang melegakan kegentaran para pendosa, wahai Kekasih ALLAH, engkaulah kekasih yang diajak bicara oleh ALLAH pada maqam yang terlebih dekat dari hujung sepasang busur panah, lalu Dia memandang kepadamu dengan tajalli seperti kehendakNya dan sebagimana kemahuanNya:

مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ

"Penglihatan (mu ya Muhammad) tidak berkisar daripada menyaksikan dengan tepat (akan pemandangan yang indah di situ yang diizinkan melihatnya), dan tidak pula melampaui batas". (Surah An-Najm : 17)

Ya Saiyidi ya RasulALLAH, bagaimanakah tuan ketika tertunainya ikatan janji padamu:

ولسوف يعطيك ربك فترضى

"Dan Sesungguhnya Tuhanmu akan memberikanmu (kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat) sehingga Engkau reda - berpuas hati" (Surah Adh-Dhuha : 5)

Apakah saat itu engkau akan melupakan para umat yang bermadah memujimu lagi mereka menanggung sakit di jiwa?

Sedang engkau tiap detik sentiasa dalam pemerhatian dan layananNya:

عسى أن يبعثك ربك مقاما محمودا

"Moga Tuhanmu (ya Muhammad) akan mengurnia padamu maqam yang terpuji". (Surah Isra': 79)

Moga ALLAH menyambutmu, wahai Tuanku, ya RasulALLAH, ya HabibALLAH dengan sambutan

yang menggembirakanmu. Sesungguhnya engkau telah menyampaikan risalah, kau telah menunaikan amanah, kau telah menasihati ummah dan engkau telah menyingkap duka.

Aduh betapa ALLAH Taala jua yang dapat membalas kebajikan padamu atas jasamu pada umat nan dhaif ini, betapa engkau ya Tuanku terlebih mengasihi umatmu dari seorang bapa yang kasih kepada anaknya seperti yang difirmankan ALLAH Taala:

لقد جاءكم رسول من أنفسكم عزيز عليه ما عنتم حريص عليكم بالمؤمنين رؤف رحيم. فإن تولوا فقل حسبي الله لا إله إلا هو عليه توكلت وهو رب العرش العظيم.

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Sidna Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم*), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): "Cukuplah bagiku ALLAH (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan (yang berhak*

disembah) melainkan dia; kepadanya aku berserah diri, dan Dia lah yang mempunyai Arasy yang agung." -Surah At-Taubah : 129

صَلُّوا عَلَيهِ وَسَلِّمُوا تَسلِيمَا * حَتَّى تَنَالُوا جَنَّةً وَنَعِيما

Berselawatlah keatas Baginda beserta salam yang sempurna, nescaya kau beroleh syurga dan nikmatnya.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولاَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا كَثِيرًا إِلَى يَوم الدِّينِ. سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلاَمٌ عَلَى المُرسَلِينَ وَالحَمدُ لله رَبِّ العَالَمِين.

Maaf : Artikel ini hanya untuk mereka yang ALLAH mahu kebaikan, Ttaufik dan kejayaan untuknya.

Adapun yang terharam [dari rahmatNya] maka apa boleh kita buat....

Dialog Waras Isu Kritikal -1 Ahlul Bait

21 September 2012

أعوذ بالله السميع العليم من الشيطان الرجيم بسم الله الرحمن الرحيم. وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله حبيب الله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وأزواجه أجمعين.

Segala puji bagi ALLAH Tuhan Semesta Alam. Segala puji bagi ALLAH yang Maha Memberi Nikmat lagi Maha Berbudi kepada para KekasihNya. Segala pujian bagiNya atas tiap hal ke atas seluruh ciptaanNya. Dia Tuhan kita yang Maha Berbudi telah berfirman dalam kitabNya yang mulia:

وَيَمْحُ اللّٰهُ الْبَاطِلَ وَيُحِقُّ الْحَقَّ بِكَلِمَاتِهِ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ.

وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ. وَيَسْتَجِيبُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِ.

"Dan sememangnya ALLAH tetap menghapuskan perkara yang salah serta ia menetapkan yang benar dengan kalimah-kalimah wahyuNya dan keputusanNya. Sesungguhnya Dia Maha mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada. Dan Dia lah Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hambaNya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahatan-kejahatan (yang mereka lakukan); dan Dia mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan. Dan Dia memperkenankan doa permohonan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, dan Dia menambahi mereka dari limpah kurniaNya (selain dari yang mereka pohonkan..." As-Syura: 24-26.

Dialog waras dengan berbagai kefahaman sewajibnya berlaku, sepatutnya aktif, dikembangkan dan memberi kefahaman yang benar kepada semua pihak di semua peringkat masyarakat (demi menyekat pencerobohan serangga-serangga dan hidupan merbahaya atau apa yang dinamakan sebagai kuasa kejahatan dan kegelapan) serta demi memperolehi natijah yang positif, bermoral murni dan segala resolusi yang dapat dilaksanakan.

Yang paling penting adalah natijah dari dialog itu harus dilaksanakan dengan semua jalan, sepenuh tenaga dan berterusan (jangan sekadar terperuk dan terjeruk dalam almari fail).

Ia mesti dilaksanakan dengan teratur di peringkat keluarga, negara dan dunia antarabangsa kerana kita semua di era globalisasi ini telah menjadi sebuah bandar kecil. Apa saja yang diucapkan di satu lokasi dapat didengar di semua tempat lain dan mempengaruhi hidup kita secara langsung atau tidak.

Cepat atau lambatnya pengaruh itu sampai hanya soal masa semata-mata. Masa pula terus maju, terus kehadapan dan mara. Kita pula, apakah sudah bersiap sedia menghadapi taufan berbagai kefahaman dan bahan-bahan peledak yang digunakan untuk menghancurkan pusara para Awliya yang muttaqin dan makam-makam para Ulama'ul 'Amilin yang disifatkan ALLAH Taala dalam firmanNya:

رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللهَ عَلَيهِ

"...Mereka adalah para rijal (tokoh) yang jujur terhadap janji mereka kepada Allah..."

- Al-Ahzaab: 23

Apakah kita telah sedia menghadapi gempa pelbagai fitnah, muntahan larva dari bermacam filem dan karikatur? Persiapan ini perlu dibuat jika kita

mahukan hidup yang bermaruah, aman dan selamat untuk diri kita, keluarga, umat dan planet bumi kita.

Berbagai macam kefahaman ini telah berakar umbi, tersebar luas dan meresap ke dalam akal kita dan ia berlaku dengan sengaja, dengan pelan tertentu atau juga secara spontan dan tanpa niat jahat dari mana-mana pihak.

Sekarang mari kita tangani dalam tiap siri artikel ini sebahagian dari berbagai kefahaman dan pemikiran yang telah mengubah total kehidupan kita sampai ke tahap kita melihat yang salah tidak lagi sebagai salah bahkan kita galakkan. Kita dorong dan kita berbangga dengannya, bahkan kita memperjuangkannya bermati-matian pula sedangkan ia adalah salah, aib, satu kesalah fahaman, musibah, fitnah dan bencana.

Atas faktor inilah berleluasanya fenomena sakit jiwa, mental, moral dan akhlak dalam masyarakat kita. Kesan dari itu kita pun jadi amat berani melanggar undang-undang ALLAH dan melanggar apa saja sempadan dengan amat mudah, tanpa malu dan segan silu. Tanpa rasa takut dan tertahan untuk melakukannya, tanpa sebarang kalkulasi dan dengan tiada koreksi. Umpat, adu domba, buruk sangka dan hasad dengki menjadi keseronokan yang paling enak dan kita berlazat-lazat menyebutnya dalam tutur bicara dan majlis.

Kelanjutan dari itu bermacam penyakit dan virus-

virus ini beserta dengan segala bahan dan materialnya pun jadi amat berkuasa; tanpa belas kasihan ia menyerang dan membelasah harga diri dan keamanan kita, hukum hakam fekah kita, agama kita, aqidah kita, tauhid kita... lalu sekarang penyakit-penyakit ini memanjangkan tangan kurang ajarnya itu hingga menyentuh kehormatan agama dan syariat ALLAH, ketetapan ALLAH, syiar-syiar ALLAH hinggalah kepada syiar ALLAH yang teragung iaitu Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم. Ia akan terus melakukan agendanya hingga tidak tinggal satu apa lagi pun kebaikan dalam hidup kita, umat kita dan planet kita melainkan dirosakkannya.

Yang akan tinggal nanti hanyalah kejahatan dan orang-orang jahat di mana-mana dari puncak piramid hingga ke dasar lantainya. Selepas itu kiamat pun datang tika manusia dalam lalai dan alpa... Tuan puan dan saudara saudari sekalian apakah redha dan menyerah diri bulat-bulat kepada semua ini?!

Adapun diri saya, jemaah saya dan umat saya mengatakan TIDAK kepada ini semua. Tidak setidak-tidaknya dengan penidakan yang tidak terhingga. Kerana ALLAH Subhanahu wa Taala telah berfirman:

وَقُلِ اعْمَلُواْ فَسَيَرَى اللّٰهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ
وَسَتُرَدُّونَ إِلَى عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ.

"Dan katakanlah (wahai Muhammad): BeramALLAH kamu (akan segala yang diperintahkan), maka ALLAH dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada ALLAH yang mengetahui segala yang ghaib dan nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan" -At-Taubah: 105.

Satu contoh dari jenis kefahaman yang tersebar luas lalu diyakini sebagai benar oleh masyarakat awam dan orang biasa ialah barangsiapa mencintai dan bermadah memuji Ahlul Bait Saiyidina wa maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم maka orang ini adalah Syiah, sekte Fathimi dan 'Alawi dan lain-lain nama dan gelarnya.

Ini telah melampau hingga ke tahap ada seorang syeikh popular dengan peminatnya yang amat ramai dan dahulunya dia seorang artis berkata : "Sekarang sudah tidak ada lagi Ahlul Bait. Ada ada semuanya Syiah Iran". Apakah orang yang berkata ini tidak membaca Al-Quranul Karim atau apakah dia tidak tahu butir bicara apa yang diluahkan dari mulutnya, hanya semata-mata dia bercakap sesuka hatinya kerana dia tidak mengaji kepada alim-ulama yang 'amilin dan tidak memakai peradaban akhlak dengan didikan Awliya' yang muttaqin.

Untuk menjawab orang ini dan yang seumpama

dengannya kami perturunkan tiga potong ayat yang mengandungi jawapan sempurna lagi penawar yang terbukti jika dia menginsafi diri.

Firman ALLAH Taala:

رَحْمَتُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ

"...memanglah rahmat ALLAH dan berkatnya melimpah-limpah kepada kamu wahai Ahlul Bait. Sesungguhnya ALLAH Maha Terpuji, lagi maha melimpah kebaikan dan kemurahanNya" - Saiyidina Huud: 73

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا

"Sesungguhnya ALLAH (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemar dari diri kamu -wahai Ahlul Bait- dan ALLAH mahu membersihkan kamu sebersih-bersihnya" - Al-Ahzzab: 33

قُل لَّا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا إِلَّا الْمَوَدَّةَ فِي الْقُرْبَى

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak

meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra darimu kepada kerabatku..."- As-Syuraa: 23

Tuan puan yang terhormat.

Sama sekali tiada hubungan, baik dari jauh mahupun dekat - antara fahaman Syiah yang ada sekarang dengan pokok perkara Ahlul Bait -semoga ALLAH meredhoi mereka sekalian-, kerana Ahlul Bait telah sedia ada sebelum wujudnya fahaman Syiah dan *tasyaiyu'* dan sebelum wujudnya fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Semua fahaman ini telah bermunculan selepas itu dari natijah berdirinya berbagai kerajaan, dari kesan polisi sesebuah negara dan gerakan-gerakan politik. Saya mohon tuan puan memahami dan tidak bersikap taksub.

Satu perkara lagi yang ingin saya sampaikan ialah sikap/amalan kebiasaan para junjungan ulama dan awliya kita, antara mereka ialah Syeikhul Azhar Al-Imamul Akbar Fadhilatus Syeikh Sidi Al-Ustaz Dr. Abdul Halim Mahmud -رضية الله عنه-. Kebiasaan beliau jika menziarahi permakaman Ahlul Bait seperti makam Saiyidina Al-Husein -رضي الله عنه-, makam Saiyidatina As-Saiyidah Zainab -رضي الله عنها-, makam Saiyidina Ali Zainal Abidin Ibni Saiyidina Al-Husein -رضي الله عنهما-, makam Saiyidatina As-Saiyidah Nafisah Al-'Ilm -رضي الله عنها-, maka kebiasaan Syeikh Abdul Halim Mahmud -رضي الله عنه- dalam penziarahan ini adalah memberi

salam kepada empunya makam dengan lafaz :

"As-Solatu was salamu 'alaikum ya Saiyidana Al-Husein (jika di makam Saiyidina Husein)... *As-Solatu was Salamu 'alaikum ya Ahlal Bait... As-solatu was salamu 'alaikum ya Ahla Baitin Nubuwwah... As-Solatu was salamu 'alaikum ya ahbaba Saiyidina wa Maulana An-Nabiy 'alaihi afdhola solatin wa atamma taslim"...*

...dan tiada siapa pun yang memungkiri salam ini.

Adapun sekarang, jika kamu mengucapkan *as-solatu was salamu 'alaikum* nescaya kamu akan diserang dan ditujah sebagai Syiah, komunis dan entah apa-apa lagi nama dan gelar yang batil lagi tidak benar. Mereka yang engkar dan menentang salam ini jika menunaikan solat maka apakah yang diucapkan waktu tasyahhud dan selawat Ibrahimiyyah yang sedia maklum itu? Bukankah mereka mengucap selawat dan salam ke atas Saiyidina wa Maulana Nabi kita صلى الله عليه وسلم dan disertakan juga selawat dan salam itu ke atas ahli keluarga Saiyidina wa Maulana Nabi kita صلى الله عليه وسلم ? Jawapannya pasti iya dan sudah tentu.

Kalau begitu, wahai kaum Muslimin dan Muslimat, nyata bahawa mahabbah dan takzim terhadap Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم, juga terhadap ahli keluarga Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم adalah ketetapan yang telah diturunkan oleh ALLAH Taala yang Maha Tinggi lagi Maha Agungnya Dia dalam wahyu Al-Quran.

Atas dasar ini saya mohon janganlah hakikat ini diseret-seret mengikut pendapat satu golongan atau kumpulan atau gerakan atau mazhab kerana Junjungan Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم dan seluruh ahli keluarga Baginda yang diredhoi lagi dikurnia selawat dan salam dari ALLAH berada pada kedudukan yang lebih atas dari semua itu, lebih tinggi, dan teramat bernilai dari itu semua... kerana mereka bersama ALLAH dan ALLAH Tabaroka wa Taala telah memilih dan menciptakan mereka untuk diriNya yang Maha Suci lagi Maha Tinggi.

Berhentilah berdusta, menipu, khianat, mereka-reka cerita dan mempermainkan akal naif budak-budak dan orang awam di kalangan umat. Saya serukan ini kepada semua pihak yang bersengketa, berbalah dan bergaduh kerana yang kamu semua perjuangkan adalah akal fikiranmu yang terjajah, yang kamu menangkan sebenarnya nafsu-nafsumu yang berpenyakit, yang tidak dimurnikan, tidak terdidik lagi tidak berzikir mengingati ALLAH sebanyak-banyaknya.

Hakikatnya kamu semua tidak memperjuangkan Tuhan ALLAH Subhanahu wa Taala, kamu tidak pun memperjuangkan Rasulmu -selawat dan salam moga terlimpah ke atas Baginda-, lagi kamu tidak juga memperjuangkan agamamu. Saya mohon pada semua untuk berfikir, merenung dalam-dalam, untuk beristikharah kepada ALLAH Subhanahu wa Taala

sebelum datang penyesalan di kemudian hari... waktu itu sesal tak berguna kerana sudah terlewat masa.

Kerana agama Islam kita yang benar itu menyeru kita kepada budi pekerti luhur, kepada akhlak mulia dan makarimul akhlak... bukan kepada maki hamun, qazaf menuduh orang berzina, memukul, membunuh, mubahalah laknat melaknat, yang tak sekata dicap kafir walaupun saudara sendiri, atau jiran sendiri, atau teman sendiri... Apakah kita membaca dan memahami firman ALLAH Tabaroka wa Taala:

وَلَمَن صَبَرَ وَغَفَرَ إِنَّ ذَلِكَ لَمِنْ عَزْمِ الأُمُورِ

"Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki lagi diambil berat (melakukannya)" - As-Syuraa: 42

ALLAH lah yang Maha Mengurnia Taufik, Dia jua yang Maha Menolong lagi Maha Membantu.

Dialog Waras Isu Kritikal -2 Homoseksual & Lesbian

29 September 2012

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيمِ بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولاَنَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللهِ حَبِيبِ اللهِ عَظِيمِ الجَاهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَأَزوَاجِهِ أَجمَعِينَ.

Segala puji bagi ALLAH Tuhan Alam Semesta. Segala puji bagi ALLAH yang Maha Memberi Nikmat lagi maha Berbudi kepada para kekasihNya. Segala puji bagi ALLAH atas apa jua keadaan seluruh makhluk ciptaanNya. ALLAH yang

Maha Mulia berfirman di dalam Al-Quran kitab suciNya:

وَإِنَّ لُوطًا لَّمِنَ الْمُرْسَلِينَ

"Dan sesungguhnya Luth itu dari kalangan rasul" As-Shaffat: 133

وَلَقَدْ رَاوَدُوهُ عَن ضَيْفِهِ فَطَمَسْنَا أَعْيُنَهُمْ فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ.
وَلَقَدْ صَبَّحَهُم بُكْرَةً عَذَابٌ مُّسْتَقِرٌّ.فَذُوقُوا عَذَابِي وَنُذُرِ.

"Dan demi sesungguhnya mereka telah memujuk Nabi Luth mengenai tetamunya lalu Kami hapuskan biji mata mereka serta (dikatakan kepada mereka): rasalah azabKu dan kesan amaran-amaranKu! Dan demi sesungguhnya mereka telah ditimpa azab yang kekal pada pagi-pagi hari (esoknya), lalu (dikatakan kepada mereka): rasalah azabKu dan kesan amaran-amaranKu!" Al-Qamar: 37-39

قَالَ رَبِّ انصُرْنِي عَلَى الْقَوْمِ الْمُفْسِدِينَ

"Nabi Luth berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tolonglah daku terhadap kaum yang melakukan kerosakan" Al-'Ankabut: 30

وَلُوطًا آتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَت تَّعْمَلُ الْخَبَائِثَ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمَ سَوْءٍ فَاسِقِينَ. وَأَدْخَلْنَاهُ فِي رَحْمَتِنَا إِنَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ.

"Dan kepada Nabi Luth, Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu; dan Kami selamatkan dia dari bandar yang penduduknya selalu melakukan perkara-perkara keji; sesungguhnya mereka itu adalah kaum jahat yang fasik derhaka. Dan Kami masukkan Nabi Luth dalam (kumpulan mereka yang dilimpahi) rahmat Kami; sesungguhnya dia dari kalangan hamba yang soleh" Al-Anbiya: 74-75.

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَا لُوطُ لَتَكُونَنَّ مِنَ الْمُخْرَجِينَ

"Mereka (kaum Nabi Luth) menjawab: "Sesungguhnya jika engkau tidak berhenti wahai Luth (daripada mencaci dan mengatakan kami salah) nescaya engkau akan diusir keluar!" Al-Anbiya: 167

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّن الْعَالَمِينَ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ النِّسَاء بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ. وَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلاَّ أَن قَالُواْ

أَخْرِجُوهُم مِّن قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ. فَأَنجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِلاَّ امْرَأَتَهُ كَانَتْ مِنَ الْغَابِرِينَ وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا فَانظُرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ.

"Dan Nabi Luth juga (Kami utuskan), ingatlah ketika dia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas". Dan tidak ada jawab dari kaumnya selain daripada berkata: "Usirlah mereka (Nabi Luth dan pengikut-pengikutnya yang taat) dari bandar ini, sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang mensucikan diri". Maka Kami selamatkan dia dan keluarganya (serta pengikut-pengikutnya) melainkan isterinya, adalah ia dari orang-orang yang dibinasakan. Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan), oleh itu, lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang melakukan kejahatan" Al-A'raaf: 80-84

قَالُواْ يَا لُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَن يَصِلُواْ إِلَيْكَ فَأَسْرِ بِأَهْلِكَ بِقِطْعٍ مِّنَ اللَّيْلِ وَلاَ يَلْتَفِتْ مِنكُمْ أَحَدٌ إِلاَّ امْرَأَتَكَ إِنَّهُ مُصِيبُهَا

مَا أَصَابَهُمْ إِنَّ مَوْعِدَهُمُ الصُّبْحُ

أَلَيْسَ الصُّبْحُ بِقَرِيبٍ. فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَالِيَهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ. مُّسَوَّمَةً عِندَ رَبِّكَ وَمَا هِيَ مِنَ الظَّالِمِينَ بِبَعِيدٍ.

(Mendengarkan yang demikian) berkatalah para tamunya: "Wahai Luth! Sesungguhnya kami adalah malaikat utusan Tuhanmu.Kaummu yang jahat itu tidak sekali-kali akan dapat melakukan kepadamu (sebarang bencana). Oleh itu, pergilah berundur dari sini bersama-sama dengan keluargamu pada tengah malam, dan janganlah seorang pun di antara kamu menoleh ke belakang. Kecuali isterimu; sesungguhnya dia akan ditimpa azab yang akan menimpa mereka (kerana dia memihak kepada mereka). Sesungguhnya masa yang dijanjikan untuk menimpakan azab kepada mereka ialah waktu subuh; bukankah waktu subuh itu sudah dekat?". Maka apabila datang (masa perlaksanaan) perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Luth itu diterbalikkan dan Kami menghujaninya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar menimpanya bertalu-talu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka), dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim itu" Saiyidina

Huud: 81-83

إِنَّا مُنزِلُونَ عَلَى أَهْلِ هَذِهِ الْقَرْيَةِ رِجْزًا مِّنَ السَّمَاءِ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ وَلَقَد تَّرَكْنَا مِنْهَا آيَةً بَيِّنَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

(Para malaikat itu berkata): "Sesungguhnya kami diutuskan untuk menurunkan atas penduduk bandar ini azab dari langit, disebabkan mereka melakukan kejahatan (kufur dan maksiat)". Dan demi sesungguhnya kami telah (binasakan bandar itu dan telah) tinggalkan bekas-bekasnya sebagai satu tanda (yang mendatangkan iktibar) bagi orang-orang yang mahu memahaminya" Al-'Ankabut: 34-35

Bacalah, lihatlah, fahamilah, selamilah dan renunglah dalam-dalam ayat-ayat suci tadi. Lihatlah bagaimana ALLAH Tabaroka wa Taala mensifatkan kaum Luth dengan 13 sifat-sifat laknat, sifat yang dinyahkan dari rahmat ALLAH Tuhan yang Maha Tunggal, Maha Esa lagi betapa ALLAH Tabaroka wa Taala itu tiada sekutu pada kerajaan dan milikNya.

Satu saja dari sifat ini pun sudah cukup bagi kita untuk menolak dan mengingkari betapa laknatnya perbuatan homoseksual dan lesbian. Mereka adalah:

Perosak

Penjahat

Fasik

Zalim

Kaum yang jahat

Melakukan perkara-perkara keji

Ahli najis

Mendatangi perbuatan kotor

Melampau batas

Tidak berakal

Ditimpa azab yang kekal

Malaun

Khianat

Pada siri kali ini saya akan membicarakan satu topik kritikal dan isu besar yang tersebar begitu meluas di kalangan masyarakat -لا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم-. Semua orang takut-takut untuk membicarakannya kerana sebab dan permainan tertentu. Hanya saja orang yang dirahmati ALLAH sanggup untuk bercakap tanpa rasa bimbang terhadap nasib dirinya atau orang lain kerana dia hanya takut kepada ALLAH semata-mata.

Iaitu perkara homoseksual dan lesbian yang sama-sama keji dan dilaknat. Sekarang perkara LGBT (lesbian, gay, bisexual, transgender) telah

menjadi sebahagian dari hak asasi manusia. Bila-bila masa orang boleh masuk dan keluar darinya dengan bebas sedangkan ia merupakan perkara abnormal yang tidak diterima oleh akal waras dan wahyu. Saya pun tak tahu bagaimana ada sebahagian orang dapat menerimanya. Walhamdulillah ia masih lagi ditolak dan ditentang oleh semua orang lain yang berbagai kepercayaan dan agama kerana ini merupakan isu kotor, isu najis, isu jijik yang tak dapat diterima oleh orang berakal bahkan hatta ditolak oleh orang tak siuman.

Isu ini telah sampai ke tahap, para penaja atau mereka yang mempergunakan dokumen golongan tidak normal yang sakit ini -diajar untuk- bercakap dan menulis dengan lantang, berani dan kurang ajar melaungkan bahawa kecelakaan liwat (lelaki sama lelaki... maaf, sebenarnya jantan sama jantan kerana golongan ini bukan lelaki)

dan juga kecelakaan lesbian (perempuan sama perempuan... maaf, sebenarnya betina sama betina kerana golongan ini bukan perempuan... golongan jantan dan betina ini sebenarnya jenis makhluk yang baru muncul) merupakan hak asasi kami dan hak kebebasan insan manusiawi. Lalu entah di mana pula hak manusia seperti rakyat Palestin dan insan di seluruh negara lain?

Semua orang tahu bahawa sejak beberapa tahun

kebelakangan ini tidak wujud apa yang dinamakan sebagai hak asasi manusia. Yang ada sebenarnya kepentingan bersama dan pakatan antara beberapa pihak.

Mereka menyuntik ke dalam pemikiran manusia yang serba ringkas ini bahawa dia berhak untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keji lagi menjijikkan dan dia berhak untuk berbuat sesuka nafsunya.

Dalam masa yang sama mereka juga menyusupkan rasa takut dan syak wasangka di kalangan ahli dunia yang beragama dan masih bertatakrama, diugut-ugut dengan ancaman: "Awas! Jangan sampai perutmu nanti lapar dan akaun bankmu dibekukan jika kamu menentang kami, kalau mahu selamat kau mesti tutup mulut dan mendiamkan keliling-kelalangmu, jaga-jaga kerana isu ini sekarang sudah masuk bawah garis merah, lebih baik kau senyap!".

Di samping itu, kamu wahai orang berakal waras (jika masih ada saki-baki akal) hendaklah tidak menyentuh langsung isu ini, jika tidak kamu akan diancam keras dan bakal diperkirakan dengan amat serius kerana perbuatanmu menentang hak kebebasan manusia... kita jumpa saja di mahkamah!".

Dengan cara ini mereka telah mencapai kejayaan besar dalam usaha mengunci mulut masyarakat

dari bercakap dan mengekang pendapat umum dari mempersoalkan kebejatan dan dari mengkritik amalan keji mereka yang membelakangi fitrah insani lagi mengubah dan menentang ketetapan ALLAH pada makhluk ciptaanNya.

Ayohai manusia berakal! Dari manakah warasnya lelaki mengahwini lelaki dan manakah dia kebebasan dalam isu ini??? Tolonglah, mereka ini sebenarnya memperdayakan siapa??? Ini namanya bukan perkahwinan, ini namanya liwat terkutuk. ALLAH hapuskan mereka sekalian!

Perkahwinan adalah hubungan yang suci lagi murni. Perkahwinan adalah fitrah manusiawi lagi agamawi. Perkahwinan adalah akhlak dan adab.

Dan bagaimana pula duhai manusia berakal, perempuan mengahwini perempuan sejenisnya dan bagaimana keadaan ini boleh dianggap sebagai perkahwinan??? Bagaimana ini dapat diterima??? Mustahil kita dapat menamakannya sebagai perkahwinan bahkan nama yang layak diberi padanya ialah lesbian terkutuk. Inilah antara yang diberi amaran kepada kita oleh Baginda Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Ayuhai sekalian manusia berakal, tolonglah! Ini perkara bahaya lagi najis dan ia memberi gambaran yang jelas bahawa ajal keturunan manusia sudah makin hampir dan dalam masa yang terdekat ini

kiamat akan berlaku. Wallahu a'lam.

Kerana kita sudah tidak lagi layak untuk hidup sebagai manusia yang sempurna dengan segala sifat kemanusiaan dan fitrahnya yang baik. Jika kita menerima saja kebejatan ini dan tidak mengingkarinya, kita tidak mendustakannya dan tidak menolaknya maka jadilah kita makhluk-makhluk baru yang aneh dan canggih yang hanya menerima kejahatan dan ahli kejahatan yang sama sekali tidak menyediakan tempat untuk kebaikan dan ahli kebaikan.

Belum pernah terjadi sepanjang sejarah kemanusiaan adanya satu golongan menuntut persetujuan umum atau pengkanunan akta yang membenarkan perkahwinan sejenis; lelaki dengan lelaki dan perempuan dengan perempuan. Ini adalah dusta yang amat besar. Apa sudah jadi? Apa yang akan terjadi selepas ini? Bagaimana rupanya nanti masa yang akan datang???

Dari sudut lain -yang lebih spesifik- sebenarnya apa yang telah berlaku kepada umat Islam???

Amat malang, kesal, malu dan aibnya bilamana fenomena liwat dan lesbian terkutuk ini diterima dan tersebar dengan meluasnya di rumah anak-anak muda, kelab-kelab sosial, asrama-asrama di sekolah dan kampus universiti hinggalah kepada kem-kem pelajar dan remaja.

Tindak balas masyarakat terhadapnya sama ada tenang-tenang saja atau bungkam seribu bahasa. Tiada bantahan, tiada tentangan, tiada penolakan, tiada pembenterasan bahkan ia diterima seolah-olah sebagai sesuatu yang normal. Bahkan kadang-kadang kita dengar pula di sana sini suara popular yang mengharuskan perbuatan homoseksual terkutuk (orang yang menyebut perkataan ini adalah binatang berupa manusia dan bukan manusia) dengan katanya: "Ulama ada dua pendapat mengenai homoseks; jika pasangan itu sama-sama setuju maka ia halal, jika salah satu pasangan menolak maka ia haram".

Masuk akalkah perkataan ini dan ditelan begitu saja tanpa dibantah oleh sesiapa. Kenapa begitu jadinya? Apakah kerana umat Islam tidur dan mati, diancam dan takut? Atau kerana umat sudah hilang arah di mana timur di mana barat hingga tidak melihat perkara ini sebagai satu laknat besar dan musibah yang menimpa kita kerana akal waras kita telah dihilangkan, rosak, sasau, kacau, mereng dan dinajisi kerana terlibatnya kita dengan segala macam perkara haram?. Atau ini sebenarnya azab dan laknat dari ALLAH yang ditimpakan ke atas semua manusia yang Muslim dan non Muslim?

رَبَّنَا اكْشِفْ عَنَّا الْعَذَابَ إِنَّا مُؤْمِنُونَ

"Hai Tuhan kami! Singkapkanlah azab ini dari kami, sesungguhnya kami beriman!" Ad-Dukhaan:12

Atau apakah sebenarnya hakikat semua ini? Apa sebenarnya ini?

آمَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِن رَّبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ آمَنَ بِاللَّهِ وَمَلائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ لاَ نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ وَقَالُواْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ. لاَ يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلاَّ وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لاَ تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلاَ تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلاَ تُحَمِّلْنَا مَا لاَ طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا أَنتَ مَوْلانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ

"Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada ALLAH, dan para malaikatNya, dan kitab-kitabNya, dan para rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain kalangan rasulNya". Mereka berkata lagi: "Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai

Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali". ALLAH tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Manusia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir"
Al-Baqarah: 285-286

Ramai anak-anak orang Islam yang melakukan pekerjaan terkutuk ini secara sembunyi-sembunyi, ada juga yang terang-terang tanpa segan silu kepada orang lain dan tanpa malu kepada Tuhan manusia, bahkan dengan bangga dia mengaku kepada orang lain yang dirinya ahli perbuatan terkutuk itu.

Dia tidak melihat dirinya sebagai sakit dan perbuatannya sebagai salah, abnormal, aib, musibah, laknat dan terhalau dari rahmat ALLAH

Subhanahu wa Taala yang Maha Menghukum lagi Maha Keras. Belum lagi soal hukum syariat mengenai perbuatan ini, hukumnya diketahui umum kalangan Ulama yang 'Amilin di berbagai mazhab dan para Fuqaha' yang warak lagi takutkan ALLAH, juga kalangan muttaqin yang ahli kepahlawanan.

Fenomena bejat ini menjadi-jadi hingga ada pengamalnya yang mendapatkan pengesahan dari doktor jiwa demi mengabsahkan perbuatannya itu. Apabila dia ditahan pihak berkuasa atas kesalahan meliwat dia akan berhujjah: "Saya sakit dan ada rekod sakit jiwa di hospital sakit mental". Dengan helah ini dia dilepaskan dan terus mengerjakan perbuatan liwatnya tanpa henti. Wahai orang waras di kalangan umat manusia, patutkah ini dibiarkan???

Di penutup artikel ini, mari saya sampaikan apa yang saya dengar dari para masyaikh kami dan saya baca dalam kitab-kitab mereka yang lebih kurang pengertiannya: Bahawa fenomena dosa besar liwat yang keji lagi terkutuk dan kejijikan lesbian akan tersebar dengan meluas di akhir zaman.

Lebih penting dari tadi ialah ianya akan tersebar luas di seluruh dunia dan diaktakan dengan undang-undang hak asasi manusia, diiklankan kepada orang ramai dengan bersungguh-sungguh dan

tanpa sembunyi, selanjutnya masyarakat diundang untuk menyertai persatuan, organisasi dan kelab yang menganjurkan perbuatan ini.

Ini semua telah berlaku dan akan terus berlaku apabila kita mengisytihar perang, menjauh diri, permusuhan, memandang rendah dan menghina hadrat:-

1-Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

2-Junjungan Ahlul Bait yang suci -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian-.

3-Junjungan para sahabat Baginda yang termulia -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian-.

4-Junjungan para ibunda kita Ummahatul Mukminin isteri-isteri Baginda Sidnan Nabi -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian-.

5-Para awliya dan Ahlullah pendamping ALLAH yang masih hidup mahu pun yang telah meninggal dunia -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian-.

Sumpah demi ALLAH, sebenarnya saya segan nak menulis tentang topik besar lagi merbahaya dan tersebar luas lagi memalukan ini, yang diancam bahawa yang membuat dan yang kena buat kedua-duanya masuk neraka.

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا امْرَأَةَ نُوحٍ وَامْرَأَةَ لُوطٍ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّاخِلِينَ

"ALLAH mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada manfaatnya) bagi orang-orang kafir (berhubung rapat dengan orang-orang mukmin selagi mereka tidak beriman dengan sebenar-benarnya), iaitu: perihal isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Luth; mereka berdua berada di bawah jagaan dua orang hamba yang soleh dari hamba-hamba Kami (yang sewajibnya mereka berdua taati); dalam pada itu mereka berlaku khianat kepada suami masing-masing; maka kedua-dua suami mereka (yang berpangkat Nabi itu) tidak dapat memberikan sebarang pertolongan kepada mereka dari (azab) ALLAH, dan (sebaliknya) dikatakan kepada mereka berdua (pada hari pembalasan): "Masuklah kamu berdua ke dalam neraka bersama-sama orang-orang yang masuk (ke situ)" At-Tahrim: 10

Namun saya mesti menulis tentangnya kerana orang sekarang telah kehilangan maruah diri dan perasaan malu. Mereka sudah tidak lagi membezakan antara baik dan buruk dan lebih teruk dari itu mereka sudah tidak mahu lagi ambil peduli.

ALLAH jualah yang maha memberi petunjuk kepada jalan lurus. Allahumma Robbana, demi jaah Sidnan Nabi yang teragung صلى الله عليه وسلم janganlah Engkau jadikan ada di kalangan kami atau yang dari kami atau yang bersama kami terlibat dengan kebejatan dan kejijikan ini.

Janganlah juga ia ada pada anak-anak kami lelaki dan perempuan, juga tidak pada saudara saudari kami dan mereka yang kami sayangi, juga tidak pada seluruh umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم أجمعين. Ya Robbal 'Alamin.

Dialog Waras Isu Kritikal -3
Mentakzim Keagungan Sidnan Nabi
صَلَّى اللَّهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ تَسلِيما

2 Oktober 2012

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيم. بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولاَنَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللهِ حَبِيبِ اللهِ عَظِيمِ الجَاهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَأَزوَاجِهِ أَجمَعِينَ.

Segala puji bagi ALLAH Tuhan Alam Semesta. Segala puji bagi ALLAH yang Maha Memberi nikmat lagi Maha Berbudi kepada para kekasihNya. Segala puji bagi ALLAH atas apa jua keadaan seluruh makhluk ciptaanNya. ALLAH Tuhan kita yang bersifat Maha berbudi, Maha Santun, Maha Menutup Kelemahan lagi Maha Suci dan Maha Tingginya Dia telah berfirman dalam Al-

Quran yang mulia:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ لا إِلَهَ إِلاَّ هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُواْ بِاللهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ.

"Katakanlah (ya Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah pesuruh ALLAH kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada ALLAH dan RasulNya, Nabi yang ummi yang beriman kepada ALLAH dan kalimah-kalimahNya (kitab-kitabNya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh petunjuk" Al-A'raaf: 158

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ شَاهِدًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا

"Duhai Nabi, sesungguhnya Kami telah mengutusmu sebagai saksi, pembawa khabar gembira dan berita amaran" Al-Ahzaab: 45

خِتَامُهُ مِسْكٌ وَفِي ذَلِكَ فَلْيَتَنَافَسِ الـمُتَنَافِسُونَ

"Meterai khatamnya kasturi; - dan untuk (memperolehi nikmat kesenangan) itu hendaknya berlumba-lumbalah mereka yang ingin merebut kelebihan dan kesenangan" Al-Muthaffifin: 26

وَمَن يَكفُر بِالإِيمَانِ فَقَدْ حَبِطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الآخِرَةِ مِنَ الخَاسِرِينَ

"Dan barangsiapa yang kufur terhadap iman maka gugurlah amalannya dan dia di Akhirat nanti menjadi golongan yang merugi" Al-Maidah: 5

إِنَّا كَفَيْنَاكَ الْمُسْتَهْزِئِينَ

"Sesungguhnya Kami tetap memelihara dan mengawalmu dari kejahatan mereka yang mengejek-ejek dan mempersendakanmu" Al-Hijr: 95

Wangian kasturi dan iman yang tersebut dalam ayat di atas adalah Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ.

Sahabat mulia lagi sang Penyair Hadrat Kenabian Saiyidina Hassan bin Tsabit -radhiyallahu 'anhu- mengungkap tentang Baginda dengan rangkap katanya:

لَـمَّا رَأَيتُ أَنــوَارَهُ سَطَعَت * وَضَعتُ مِن خِيفَتِي كَفِّي عَلَى بَصَرِي

خَوفًا عَلَى بَصَرِي مِن حُسنِ صُورَتِهِ * فَلَستُ أَنـظُرُهُ إِلَّا عَلَى قَدَرِي

Aku memandang,
kepada cahayanya yang terpancar menyinar,
lantas ku tutupi mata,
dengan telapak tanganku,
dek kerna takut penglihatanku sirna,
oleh kemilau indah rupanya.
Yang dapat ku tatap Baginda,
hanya sekadar kemampuanku jua.

Pembuka kata dan pemula bicara bagi topik yang besar, luas dan agung Iaitu tentang mentakzim keagungan dan ketinggian Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ .

Sukalah kami menyampaikan kepada semua bahawa agama kita Islam yang murni, yang soheh, yang suci, yang menyucikan lagi disucikan itu terbina seluruhnya di atas prinsip takzim, ittiba' (menurut/mentaati), redha dan qabul (menerima).

وَمَن يُعَظِّمْ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِن تَقْوَى الْقُلُوبِ.

"Dan barangsiapa mentakzim syiar-syiar ALLAH maka itu adalah dari inti hati yang bertaqwa" Al-Hajj: 32

قُلْ إِن كُنتُمْ تُحِبُّونَ اللهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.

"Katakanlah (ya Muhammad): "Sekiranya kamu sekalian cintakan ALLAH maka ikutlah aku nescaya ALLAH akan menyintaimu dan mengampuni dosa-dosamu, sesungguhnya ALLAH Maha Pengampun lagi Maha Penyayang" Aali 'Imran: 31

يَوْمَئِذٍ لَّا تَنفَعُ الشَّفَاعَةُ إِلاَّ مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَرَضِيَ لَهُ قَوْلًا.

"Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat (dari dan kepada sesiapapun) kecuali dari mereka yang diizinkan ALLAH yang Maha Melimpah RahmatNya, dan kepada mereka yang diredhai perkataannya" Thoha: 109

أُوْلَئِكَ الَّذِينَ نَتَقَبَّلُ عَنْهُمْ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا وَنَتَجَاوَزُ عَن سَيِّئَاتِهِمْ.

"Mereka (yang bersifat dengan sifat-sifat yang terpuji seperti itu) ialah orang-orang yang Kami terima amalnya yang baik yang mereka telah kerjakan, dan Kami ampunkan kesalahan-kesalahannya" Al-Ahqaaf: 16

Adapun para agamawan baru, tidaklah pekerjaan mereka selain mahu menempel segala yang salah,aib, musibah dan fitnah ke atas Islam dan kaum Muslimin Muslimat. Objektif mereka adalah merosak imej kita dari dalam dan luar.

Dari dalam mereka melingkar sebagai kaum Bathiniyyah dan Hasyawiyyah: Dengan semboyan bahawa umat berada dalam kesesatan, syirik, kufur, sembah kubur serta berbagai lagi tohmahan dan kata dusta. Mereka tidak punya dalil apa pun selain kejahilan, sikap melampau dan mengada-ngada dalam pengamalan agama mereka.

قُلْ أَتُعَلِّمُونَ اللهَ بِدِينِكُمْ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ وَاللهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ.

"Katakanlah (kepada mereka wahai Muhammad): "Patutkah kamu hendak mengajar ALLAH tentang agama kamu? Padahal ALLAH mengetahui segala yang ada di langit dan yang di bumi, dan ALLAH maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu" Al-Hujuraat: 16

Apa yang mereka lakukan itu tiada kena mengena langsung dengan agama umat ini yang diredhokan oleh ALLAH untuk kita;

اليَومَ أَكمَلتُ لَكُم دِينَكُم وَأَتمَمْتُ عَلَيكُم نِعمَتِي

وَرَضِيتُ لَكُمُ الإِسلَامَ دِينًا.

"Pada hari ini Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepadamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untukmu sekalian" Al-Ma'idah: 3

Kepada mereka saya katakan janganlah kamu dengar lagi mengikut syaitan juga bala tentera dan pengikutnya sebaliknya dengarlah kata ALLAH Subhanahu wa Taala:

قُل أَنفِقُوا طَوعًا أَو كَرهًا لَّن يُتَقَبَّلَ مِنكُم إِنَّكُم كُنتُم قَومًا فَاسِقِينَ. وَمَا مَنَعَهُم أَن تُقبَلَ مِنْهُمْ نَفَقَاتُهُم إِلاَّ أَنَّهُم كَفَرُوا بِاللهِ وَبِرَسُولِهِ وَلاَ يَأتُونَ الصَّلاةَ إِلاَّ وَهُم كُسَالَى وَلاَ يُنفِقُونَ إِلاَّ وَهُم كَارِهُونَ. فَلاَ تُعجِبكَ أَموَالُهُم وَلاَ أَولادُهُم إِنَّمَا يُرِيدُ اللهُ لِيُعَذِّبَهُم بِهَا فِي الْحَيَاةِ الدُّنيَا وَتَزهَقَ أَنفُسُهُم وَهُم كَافِرُونَ.

وَيَحلِفُونَ بِاللهِ إِنَّهُم لَمِنكُم وَمَا هُم مِّنكُم وَلَكِنَّهُم قَومٌ يَفرَقُونَ.

"Katakanlah (ya Muhammad): "sama ada kamu menginfaqkan hartamu dengan sukarela atau kerana terpaksa, tidak sekali-kali akan diterima daripada kamu, (kerana) sesungguhnya kamu

adalah orang-orang yang fasik". Dan tidak ada yang menghalangi mereka untuk diterima derma-derma mereka melainkan kerana mereka kufur kepada ALLAH dan RasulNya dan (kerana) mereka tidak mengerjakan sembahyang melainkan dengan keadaan malas dan mereka pula tidak mendermakan hartanya melainkan dengan perasaan benci. Oleh itu janganlah engkau tertarik hati kepada harta benda dan anak-anak mereka, (kerana) sesungguhnya ALLAH hanya hendak menyeksa mereka dengan harta benda dan anak-anak itu dalam kehidupan dunia, dan hendak menjadikan nyawa mereka tercabut sedang mereka berkeadaan kafir (untuk mendapat azab akhirat pula). Mereka (yang munafik itu) bersumpah dengan nama ALLAH bahawa sesungguhnya mereka dari golongan kamu, padahal mereka bukanlah dari golongan kamu, tetapi mereka ialah suatu kaum yang pengecut" At-Taubah: 53-56

Dari luar mereka adalah kaum Khawarij dan Mufsidun (Perosak): Tujuan mereka adalah mencacatkan imej kaum Muslimin dan melempar tuduhan yang berbagai macam, antaranya orang Islam terrorist, pembunuh, bobrok, pelanggar undang-undang, pemberontak yang menentang tamadun dan anti urbanisasi. Sebenarnya memang itulah yang mereka mahu namun mereka bermain kata dan silap mata kerana mereka bersekutu dengan syaitan yang

terkutuk serta para pembantunya dari kalangan jin dan manusia.

وَمَن أَظلَمُ مِـمَّنِ افتَرَى عَلَى اللهِ الكَذِبَ وَهُوَ يُدعَى إِلَى الإِسلام وَاللهُ لا يَهْدِي القَومَ الظَّالِمِينَ. يُرِيدُونَ لِيُطفِؤُوا نُورَ اللهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَاللهُ مُتِمُّ نُورِهِ وَلَو كَرِهَ الكَافِرُونَ. هُوَ الَّذِي أَرسَلَ رَسُولَهُ بِالهُدَى وَدِينِ الحَقِّ لِيُظهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَو كَرِهَ المُشرِكُونَ.

"Dan tiada yang lebih zalim daripada mereka yang mengada-adakan perkara dusta terhadap ALLAH, sedang ia diajak kepada memeluk Islam; dan (ingatlah) ALLAH tidak memberi hidayah kepada orang-orang yang zalim. Mereka sentiasa berusaha hendak memadamkan cahaya ALLAH (agama Islam) Dengan mulut mereka, sedang ALLAH tetap menyempurnakan cahayaNya, sekalipun orang-orang kafir tidak suka. Dia lah yang telah mengutus RasulNya dengan membawa hidayah dan agama yang benar (Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala agama yang lain, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya" As-Shoff: 7-9

Di sini sukalah jua kami sebutkan perkhabaran berikut sebagai muqaddimahnya Insya Allah.

Saiyidina Umar bin Abd. Aziz رَضِيَ اللهُ عَنهُ apabila

menjabat kekhalifahan telah mengutus warkah kepada Saiyidina Salim bin Saiyidina Abdullah bin Saiyidina umar رَضِيَ اللهُ عَنهُم yang bermukim di Kota Madinah Al-Munawwarah. Warkah ini mengandungi banyak makna, antaranya izin dan perutusan salam kepada Penghulu Junjungan segala yang dicipta صَلَّى اللهُ عَلَيه وَسَلَّمَ. Beliau menulis: "Inilah warkah dari Umar bin Abdul Aziz datang ke hadrat Salim bin Abdullah.

"Amma ba'du maka sesungguhnya aku telah dibalakan memikul pekerjaan umat ini tanpa mesyuarat dan kehendak dariku. ALLAH jua yang Maha Tahu tentang yang demikian itu maka jika sampai kepadamu warkahku ini mohonlah engkau menyurat kepadaku tentang peri Saiyidina Umar dan segala hukum keputusannya terhadap umat ahli kiblat dan mereka yang mengikat perjanjian dengan kita (non Muslim), sesungguhnya aku akan mengikut perjalanannya jika ALLAH menolongku atas yang demikian itu. Wassalam".

Maka warkah ini dibalas oleh Saiyidina Salim رَضِيَ اللهُ عَنهُ dengan katanya: "Dari Salim bin Abdullah datang kepada Umar bin Abdul Aziz Amirul Mukminin. Amma ba'du sesungguhnya engkau telah menyurat kepadaku dengan permintaan dan kata bahawa engkau telah dibalakan memikul pekerjaan umat ini tanpa mesyuarat dan kehendakmu, lagi ALLAH jua yang Maha Tahu tentang yang demikian itu. Engkau pinta padaku menyurat kepadamu tentang peri Saiyidina

Umar dan segala hukum keputusannya terhadap umat ahli kiblat dan mereka yang mengikat perjanjian dengan kita (non Muslim), dengan sangkamu bahawa sungguh engkau akan mengikut perjalanan Saiyidina Umar jika ALLAH menolongmu atas yang demikian itu.

Ya Amirul Mukminin, sesunguhnya engkau bukan Saiyidina Umar ibnul Khattab رَضِيَ اللهُ عَنهُ , lagi tidaklah engkau di zaman Saiyidina Umar, engkau juga tidak punya tokoh-tokoh seperti mereka yang bersama Saiyidina Umar رَضِيَ اللهُ عَنهُ.

"Adapun warga Iraq - tidaklah dapat tiada, kedudukan mereka itu mesti mendokongmu dan engkau perlu kepada mereka (kerana kerajaan Bani Umayyah telah tegak dengan pedang Al-Hajjaj bin Yusuf dan orang Iraq jua)".

"Dan tiadalah halangan bagimu untuk memecat mana-mana gabenor negeri lalu berkata bahawa aku tidak melihat ada orang lain yang boleh berkhidmat sebaiknya".

"Maka sesungguhnya, jika engkau memecat itu kerana ALLAH dan melantik jua kerana ALLAH nescaya ALLAH akan mendatangkan kepadamu para pembantu dan ALLAH akan menciptakan para rijal (tokoh-tokoh yang selayaknya) buat menolongmu. Demi sesungguhnya kadar pertolongan ALLAH kepada segala abdiNya itu adalah dengan kadar

niat kesungguhan mereka jua, jika sempurna niat kesungguhan si abdi nescaya sempurnalah pertolongan ALLAH kepadanya. Adapun orang yang kurang niatnya nescaya kuranglah tolong ALLAH padanya. Kepada ALLAH jua tempat meminta pertolongan. Wassalam".

Saiyidina Umar bin Abdul Aziz رَضِيَ اللهُ عَنهُ tidak menghubungi alim ulama popular dan ulama-ulama yang makan gaji dengan sultan, juga tidak syeikh dan ustaz yang berpanggung di stesyen-stesyen tv satelit kerana media dan dunia iklanlah yang mencipta mereka jadi ulama. Masalahnya golongan ini menyangka diri ulama sedangkan sebenarnya mereka 'alal maa' (ulama jadi-jadian). Semua orang juga tahu bahawa pihak media hanya mahu menimbulkan fitnah polemik bagi menarik lebih ramai penonton lalu dengan itu mengaut keuntungan dari bayaran iklan syarikat-syarikat yang berbagai rupa. ALLAH Taala telah menyebut tentang mereka dengan sifat yang paling tepat dalam firmanNya:

هَل أُنَبِّئُكُم عَلَى مَن تَنَزَّلُ الشَّيَاطِينُ. تَنَزَّلُ عَلَى كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيم. يُلقُونَ السَّمعَ وَأَكثَرُهُم كَاذِبُونَ. وَالشُّعَرَاء يَتَّبِعُهُمُ الغَاوُونَ. أَلَـم تَـرَ أَنَّهُم فِي كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ. وَأَنَّهُم يَقُولُونَ مَا لا يَفعَلُونَ. إِلاَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللهَ

كَثِيرًا وَانتَصَرُوا مِن بَعدِ مَا ظُلِمُوا وَسَيَعلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ.

"Mahukah Aku khabarkan kepadamu tentang kepada siapakah syaitan-syaitan itu selalu turun? Mereka selalu turun kepada tiap-tiap pendusta lagi pendosa, yang mendengar sungguh-sungguh (apa yang disampaikan oleh syaitan-syaitan itu) sedang kebanyakan beritanya adalah bohong. Dan para ahli syair itu diturut oleh golongan yang sesat – membabi buta. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau dengan tidak berketentuan hala dalam tiap-tiap lembah (khayal dan angan-angan kosong)? Dan mereka memperkatakan apa yang mereka tidak melakukannya? Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh (dari kalangan penyair-penyair itu), dan mereka pula mengingati ALLAH banyak-banyak, serta mereka membela diri sesudah mereka dianiaya. Dan (ingatlah), orang-orang yang melakukan sebarang kezaliman akan mengetahui kelak ke tempat mana mereka akan kembali" As-Syuara': 221-227

Lihatlah betapa agungnya dua tokoh dalam persuratan tadi; kerana mereka berdua telah beroleh didikan jiwa, telah menerima pelajaran dan asuhan dari para tokoh agung kalangan tabi'in dan sahabat yang bersambung sanad kepada Junjungan Penghulu anak keturunan Saiyidina Adam lagi yang teragung

dari keturunan Saiyidina Adam iaitu Junjungan Baginda Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Kedua tokoh ini masing-masing adalah model dari madrasah Islam yang besar, agung, mengkagumkan dan indah. Kedua mereka adalah bersambung dan menyambungkan kepada hadrat Junjungan Baginda As-Syafi' Al-Basyir An-Nadzir صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Saiyidina Umar bin Abdul Aziz mahu mengetahui perjalanan hidup Saiyidina Al-Faruq Umar رَضِيَ اللهُ عَنهُ untuk mencontohi dan mempraktisnya setapak demi setapak. Ini merupakan cerminan dari kemahuannya untuk menegak kefahaman syariat dan mu'amalat serta feqah yang patut di zamannya. Saiyidina Salim pula berkata kepadanya bahawa sirr (intipati rahsia)nya ada padamu tuan. Di sini dia berbicara kepada Amirul Mukminin dengan feqah hati dan ri'ayah terhadap segala hak ALLAH Subhanahu wa Taala serta feqah yang patut bagi zamannya. Saiyidina Salim berkata kepada beliau bahawa jika tuan baik dan membaikkan nescaya ALLAH akan bersamamu, ALLAH akan menolongmu, ALLAH akan mengurniamu taufik dan memudahkan segala urusanmu dengan jalan yang hanya diketahui oleh ALLAH yang Maha Lathif, Maha Hafizh, Maha 'Alim, Maha Khobir Subhanahu wa Taala dan inilah yang telah berlaku kepada beliau - walhamdulillah was syukru lillah.

Sekarang kita berpindah kepada topik artikel kali ini. Ia merupakan bicara penting dan amat penting, bahkan ia lebih penting dari dunia dan Akhirat untuk umat kita. Maksud saya umat Saiyidina wa Maulana Junjungan Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan kita amat sangat berhajat kepada perkara ini. Boleh jadi orang tak merasai keperluan ini, boleh jadi mereka tak tahu menahu tentangnya kerana telah dihilangkan dan telah ghaib sejak bertahun-tahun lamanya dari perkara ini.

Kerana umat kita adalah umat Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Tanpa Baginda Junjungan صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم yang merupakan pemimpin dan imam kita maka jadilah kita tak bernilai walau sepeser pun, kita jadi putus hubungan, hilang punca dan gagal serba serbi. Kerana Baginda adalah pemimpin kita, Baginda adalah hubungan kita dengan ALLAH Azza wa Jalla, baginda adalah penyelamat kita, Baginda adalah rahmat ke atas kita, Baginda adalah pensyafaat dan wasilah kita صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Topik kali ini ialah mentakzim keagungan peribadi agung Saiyidina wa Maulana Baginda Nabi dan Rasul صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Topik ini betapa ia dibicarakan pun takkan pernah ada bosannya, betapa ia ditulis sekalipun takkan pernah ada letihnya. Kerana kemuliaan sifat peribadi Junjungan dan sirah Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم secara mutlak merupakan seagung-agung perkhabaran, karya tulis, kajian dan darjat yang teragung mendatangkan manfaat dan

keberkatan. Kerana pada peribadi Junjungan Baginda terkandung segala yang kita perlukan sekarang dan di masa mendatang.

لَقَد كَانَ لَكُم فِي رَسُولِ اللهِ أُسوَةٌ حَسَنَةٌ لِّـمَـن كَانَ يَرجُو اللهَ وَاليومَ الآخِرَ وَذَكَرَ اللهَ كَثِيرًا.

"Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredhaan) ALLAH dan (balasan baik) hari Akhirat, serta dia pula zikir dan mengingati ALLAH banyak-banyak" Al-Ahzaab: 21

Hari ini saya akan membicarakan keagungan dan mentakzim. Bicara kali ini akan menggembirakan para muhibbin, mahbubin dan 'asyiqin (para pecinta) hadrat junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad Ar-Rasul صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ,

فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِيَ أُنزِلَ مَعَهُ أُولَئِكَ هُمُ المُفلِحُونَ.

"...maka orang-orang yang beriman kepada Baginda dan memuliakannya, memperjuangkannya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya" Al-A'raaf: 157

Di sisi lain bicara ini akan menyebabkan mati penuh sesalan, sakit hati dan kecewa bagi ahli ingkar, golongan pembenci, dendam kesumat dan hasad dengki membara;

قُلْ مُوتُوا بِغَيْظِكُمْ إِنَّ اللهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ.

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Matilah kamu dengan kemarahan kamu itu". Sesungguhnya ALLAH sentiasa mengetahui akan segala (isi hati) yang ada di dalam dada" Aali 'Imran: 119

وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَتْهُمْ رِجسًا إِلَى رِجسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ كَافِرُونَ.

"Adapun orang-orang yang ada penyakit (kufur) dalam hati mereka maka surah Al-Quran itu menambahkan kekotoran (kufur) kepada kekotoran (kufur) yang ada pada mereka; dan mereka mati sedang mereka berkeadaan kafir" At-Taubah: 125

يَا أَهْلَ الكِتَابِ قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يُبَيِّنُ لَكُمْ كَثِيرًا مِّمَّا كُنتُمْ تُخْفُونَ مِنَ الكِتَابِ وَيَعفُو عَن كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُم مِّنَ اللهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُّبِينٌ. يَهْدِي بِهِ اللهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضوَانَهُ سُبُلَ السَّلامِ

وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ.

"Wahai ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepadamu Rasul Kami (Saiyidina Muhammad) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hakam) yang telah kamu sembunyikan dari kitab suci, dan dia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Saiyidina Muhammad) dari ALLAH, dan kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan (Al-Quran) itu ALLAH menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus" Al-Maidah: 15-16

Sungguh amat seronok dan lazatnya, amat mesra dan senangnya hati lagi amat jernihnya fikiran penulis bersama sidang pembacanya atau jurubicara dengan sidang pendengarnya apabila topik yang dibentang adalah mentakzim keagungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Pernahkah ada orang bertanya atau mempertanyakan mengapa???

Kerana dalam keadaan itu roh kita pergi kepada asal dan sumber aslinya;

لَقَد جَاءَكُم رَسُولٌ مِّن أَنفُسِكُم عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّم حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤمِنِينَ رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ. فَإِن تَوَلَّوا فَقُل حَسبِيَ اللهُ لا إِلَهَ إِلاَّ هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلتُ وَهُوَ رَبُّ العَرشِ العَظِيم.

"Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golonganmu sendiri, yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung olehmu, yang sangat tamak (menginginkan) kebaikan bagimu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian jika mereka berpaling ingkar maka katakanlah (wahai Muhammad): "Cukuplah bagiku ALLAH (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dia lah yang mempunyai arasy yang agung". At-Taubah: 128-129

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الأُمِّيِّينَ رَسُولاً مِّنهُم يَتلُو عَلَيهِم آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِم وَيُعَلِّمُهُمُ الكِتَابَ وَالحِكمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبلُ لَفِي ضَلالٍ مُّبِينٍ.

"Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang yang ummiy (Arab) seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat ALLAH dan membersihkan mereka serta mengajarkan mereka kitab (Al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam), sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata". Al-Jumu'ah: 2

Adapun tentang kejadian rohaniah Baginda, unsur diri dan kelahirannya صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم adalah seperti yang difirmankan ALLAH Taala dalam Kitab SuciNya:

مَّا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللهُ بِكُلِّ شَيءٍ عَلِيماً.

"Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari lelaki kamu, tetapi dia adalah Rasul ALLAH dan kesudahan segala nabi. Dan (ingatlah) bahawa ALLAH Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu" At-Taubah: 40

Sesungguhnya telah datang dalam riwayat bahawa ALLAH Taala mengambil satu cahaya dari nurNya lalu menaruhkan roh Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم padanya sebelum penciptaan segala petala langit dan bumi, arasy dan kursiy, syurga dan neraka. Dan ALLAH Taala telah menjadikan bagi

roh itu bentuk rohaniah seperti keadaannya nanti di dunia apabila tercipta dan berlakunya.

ALLAH Taala pun menjadikan kepalanya dari hawa, tengkuknya dari tawadhu', dua matanya dari malu, wajahnya dari yakin, mulutnya dari sabar, lisannya dari jujur, dua pipinya dari mahabbah, dadanya dari nasihat, hatinya dari warak, perutnya dari zuhud, dua lututnya dari khauf (takut) dan dua tapak kakinya dari istiqamah. Lagi ALLAH pun memenuhi hatinya dengan rahmat, menyiraminya dengan dengan kasihan belas, mengagungkannya dengan kemuliaan, memilihnya dengan kerasulan, ALLAH meredhoinya untukNya dan menjadikan di atas kepalanya mahkota keyakinan, mempersalininya dengan selendang hidayat dan ALLAH menamakannya sebagai habib (kekasih) di alam azali.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لا تَرْفَعُوا أَصْوَاتَكُمْ فَوْقَ صَوْتِ النَّبِيِّ وَلا تَجْهَرُوا لَهُ بِالْقَوْلِ كَجَهْرِ بَعْضِكُمْ لِبَعْضٍ أَن تَحْبَطَ أَعمَالُكُم وَأَنتُم لا تَشعُرُونَ.

إِنَّ الَّذِينَ يَغُضُّونَ أَصوَاتَهُمْ عِندَ رَسُولِ اللهِ أُولَئِكَ الَّذِينَ امْتَحَنَ اللهُ قُلُوبَهُم لِلتَّقوَى لَـهُم مَّغفِرَةٌ وَأَجرٌ عَظِيمٌ.

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah

kamu mengangkat suara melebihi suara Nabi, dan janganlah kamu menyaringkan suara (dengan lantang) semasa bercakap dengannya sebagaimana setengah kamu menyaringkan suaranya semasa bercakap sesamamu. (Larangan yang demikian itu) supaya amal-amal kamu tidak hapus pahalanya sedang kamu tidak menyedarinya. Sesungguhnya orang-orang yang merendahkan suaranya semasa mereka berada di sisi Rasulullah - merekalah orang-orang yang telah dibersihkan ALLAH hati mereka untuk bertaqwa; mereka beroleh keampunan dan pahala yang besar" Al-Hujuraat: 2-3

Kemudian ALLAH Taala menciptakan beberapa hijab lalu tinggALLAH roh Baginda itu padanya sekadar masa yang dikehendaki Allah. Kemudian ALLAH Tabaroka wa Taala menciptakan satu pohon bernama Al-Yakin yang berdahan empat. Maka ALLAH pun meletakkan roh Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم di atas pohon itu lalu bertasbihlah dia kepada ALLAH selama empat puluh ribu tahun. Kemudian ALLAH Taala menciptakan cermin di hadapannya lalu roh Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم pun memandanglah kepada cermin itu dan melihatlah dia akan rupa kejadian dirinya dengan sebaik-baik kerupawanan.

Lalu sujudlah dia lima kali maka jadilah dari sujud itu asal solat lima waktu yang difardhukan ke atas

umat.

Kemudian ALLAH Taala menciptakan satu pelita dari cahaya yang digantung pada rantaian dari nur. Lalu ALLAH pun memerintahkan roh Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم untuk tinggal di dalamnya. Maka roh Baginda pun duduklah berzikir dengan segala isim dari asma' ALLAH Al-Husna dan duduklah dia dalam zikir tiap isim itu seribu tahun.

Lalu apabila sampai dia kepada isim Ar-Rahman maka ALLAH Taala pun memandang kepada roh Baginda dengan pandangan rahmat. Lantas berpeluhlah Baginda kerana malu kepada ALLAH Tabaroka wa Taala lalu dari peluh itu ALLAH Taala menciptakan dari setiap titisnya roh para Anbiya.

Kemudian roh Baginda terus mengerjakan zikir dan tasbih kepada ALLAH hinggalah sampai kepada isimNya Al-Qahhar maka berpeluhlah dia dek kerna maha kerasnya ALLAH dan bertitis-titisanlah peluhnya sebanyak bilangan arwah para mukminin dan kafirin dan jadilah dari kucuran peluh itu arwah mereka sekalian.

Maka dari titisan peluhnya itu terbahagilah empat bahagian; yang pertama roh para nabi, yang kedua roh para awliya, yang ketiga roh para mukminin dan yang keempat roh para kafirin.

Maka duduklah mereka sekalian di maqam itu selama mana yang telah dikehendaki ALLAH kepada

mereka, kemudia ALLAH Taala mengutus setiap roh dari alam arwah ke alam ajsam (jasad lahir) maka ALLAH pun menjadikan bagi setiap roh mempunyai badan yang dikhususkan sepertimana di dalam hikmah ALLAH Subhanahu wa Taala.

Dan ALLAH telah menjadikan jasad Saiyidina Adam عَلَيهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ sebagai anak kunci kepada penciptaan mereka semua dan permulaan bagi mereka pada kelahiran manusiawi. Maka jadilah Saiyidina Adam عَلَيهِ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ sebagai dasar mula *ta'ayyunat* (penampakan/realiti) jasmani, manakala Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم pula menjadi dasar mula *ta'ayyunat* rohani.

Maka Saiyidina wa Maulana Junjungan Nabi kita صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم merupakan benih pohon alam buana yang terdahulu dari arasy, kursiy, lauh dan qalam. Kerna itulah Junjungan Baginda Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم telah mengucap sabda:

كُنتُ نَبِيًّا وَآدَمُ بَينَ المَاءِ وَالطِّينِ.

"Aku telah menjadi nabi sedang Nabi Adam itu masih antara air dan tanah".

Demikianlah dia diri Baginda Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم asal bagi segala yang diwujudkan maka ALLAH Taala pun menzahirkan darinya arasy dan farsy dan yang antara

keduanya, maka berjalanlah Baginda pada martabat-martabat segala alam rohani dan jasmani hinggalah zahir pada kewujudannya yang mulia unsurnya dan dengan kezahiran Baginda sempurnalah apa yang dicita.

Demikianlah Baginda Junjungan itu adalah awal segala nabi dan akhir segala rasul lagi Penghulu (segala ciptaan) yang awal dan akhir صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ.

وَلَو أَنَّهُم إِذ ظَّلَمُوا أَنفُسَهُم جَاؤُوكَ فَاستَغفَرُوا اللهَ وَاستَغفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا. فَلاَ وَرَبِّكَ لاَ يُؤمِنُونَ حَتَّى يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَينَهُم ثُمَّ لاَ يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِم حَرَجًا مِّمَّا قَضَيتَ وَيُسَلِّمُوا تَسلِيمًا.

"Dan kalaulah mereka ketika menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada ALLAH, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka tentulah mereka mendapati ALLAH Maha menerima taubat, lagi Maha Mengasihani. Maka demi Tuhanmu (ya Muhammad)!

Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati suatu keberatan dari apa yang telah engkau hukumkan,

dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya" An-Nisa': 64-65

Telah berkata Sidi Sahl bin Abdullah At-Tustariy رَضِيَ اللهُ عَنهُ : "Ketika ALLAH mahu menciptakan Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم di dalam perut bondanya As-Saiyidah Aminah di malam permulaan bulan Rejab yang merupakan malam Jumaat, ALLAH Taala telah memerintahkan pada malam itu kepada Saiyidina Ridhwan malaikat penjaga syurga untuk membuka syurga Al-Firdaus, dan menyeru satu penyeru di petala langit dan bumi: "Bahawa sekarang nur yang selama ini tersimpan elok dan darinya akan terjadi diri Baginda صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم, maka pada malam inilah dia akan berdiam di perut bondanya dan disempurnakan penciptaannya dan akan keluarlah dia kepada umat manusia sebagai pembawa khabar gembira dan berita ancaman dari Tuhannya".

Telah berkata Saiyidina Abdullah bin Abbas رَضِيَ اللهُ عَنهُمَا: "Apabila telah dilahirkan Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم ,berkatalah Saiyidina Ridhwan عَلَيهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ penjaga syurga ke telinga Baginda:

"Bergembiralah dirimu ya Muhammad! Tiadalah tinggal pada seorang nabi pun akan ilmu melainkan diberikan kepadamu, maka Engkaulah Nabi yang paling berilmu dan yang paling berani hatinya".

إِنَّ اللهَ وَمَلائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللهُ فِي الدُّنيَا وَالآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُم عَذَابًا مُّهِينًا. وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِغَيرِ مَا اكتَسَبُوا فَقَدِ احتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا

"Sesungguhnya ALLAH dan para malaikatNya berselawat kepada Nabi; wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepada Baginda serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya. Sesungguhnya mereka yang menyakiti ALLAH dan RasulNya dilaknat ALLAH dunia Akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghina. Dan orang-orang yang mengganggu serta menyakiti orang-orang lelaki yang beriman dan orang-orang perempuan yang beriman dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka telah memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata" - Al-Ahzaab: 56-58

Tak berapa lama waktu ini telah mula ada satu kelompok atau beberapa kumpulan di sini sana menyembur racun mereka kepada umat. Saya tidak tahu apakah pihak-pihak ini sedar atau tidak perbuatan mereka. Jika mereka sedar maka ini satu musibah dan jika mereka tak sedar maka musibahnya lebih besar

lagi. Bagaimana pun –walhamdulillah, kumpulan-kumpulan mikro ini dengan cepat pecah tembelang dan terbongkar rahsia. Objektif dan kerja mereka yang tak pernah berhenti ialah meremeh dan memperkecil-kecilkan keagungan dan takzim Penghulu kewujudan dan penyebab bagi segala yang diadakan Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم. Saya tidak tahu apa faedahnya mereka melakukan pekerjaan ini; semua yang mereka sebarkan adalah maklumat salah yang dibina di atas kesalahan tompok menompok dengan sukatan meter padu dan perseginya.

Entah kenapa mereka tidak memberi fokus kepada pembinaan ummah, kemajuan negara dan bangsa mereka sendiri sambil mengembangkan kemampuan diri dan keluarga masing-masing demi kehidupan yang sejahtera, halal dan aman.

Sebaliknya entah buat apalah mereka menyibukkan kita dengan segala macam kenyataan yang aneh-aneh dan ganjil, memalukan dan aib pada isu-isu lapuk dari zaman batu yang tiada manfaat pun bahkan keseluruhannya mudharat dan mendatangkan bahaya.

Antara isu-isu tersebut adalah isu merbahaya lagi bervoltan tinggi, menghancurkan mereka hingga lebur tanpa mereka sedari, bahkan mereka tidak langsung terfikir dan berakal mengenainya, Iaitu menyentuh kehormatan Junjungan Baginda yang menjadi sultan

di hadrat Ilahi; mentari nan kudus; Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم.

Contohnya mereka berkata bahawa (Saiyidina wa Maulana) Muhammad (صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم) sebelum diutus menjadi nabi (sebelum berumur 40 tahun) adalah manusia biasa saja. "...entah siapa-siapalah Muhammad tu... Muhammad sama saja dengan Muhammad budak kampung kita...", "sebelun jadi nabi dia tidak Islam... sebelumnya dia tidak mukmin...". Dan entah apa lagi dusta, kalimat dajal lagi fasik dan munafik yang kau tuturkan,hei manusia!

Yang terbaru dari kelompok ini ialah seorang tokoh popular mereka yang diminati ramai dan berdegri doktor falsafah bidang aqidah (aqidah apa kejadahnya yang menyeretmu keluar dari agama!) -saya mohon istighfar kepada ALLAH dari perkataan dusta dan busuknya- bahawa (Saiyidina wa Maulana) Muhammad (صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم) menjual arak di zaman jahiliyyah. Ini ucapan dusta lagi bohong, ini adalah ucapan kufur, sesat dan fitnah. Wahai manusia rosak dan fasik! Entah apalah faedahnya padamu dan orang lain bila engkau mengucapkan kata-kata ini?!

إِذْ تَلَقَّوْنَهُ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُم مَّا لَيْسَ لَكُم بِهِ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُ هَيِّنًا وَهُوَ عِندَ اللهِ عَظِيمٌ

"Iaitu semasa kamu bertanya atau menceritakan

berita dusta itu dengan lidahmu, dan memperkatakan dengan mulutmu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu menyangkanya perkara kecil, pada hal ia di sisi ALLAH adalah perkara yang besar dosanya" An-Nuur: 15

Ada satu lagi doktor falsafah mereka di bidang tafsir (ALLAH saja yang tahu entah macam mana dia boleh lulus peperiksaan dan mendapat sijilnya), sekarang kerjanya yang tak habis-habis memerangi Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم وَأصحَابِهِ وَآلِهِ وَزَوجَاتِهِ وَأحبَابِهِ di tiap peluang kesempatan atas nama mengajar tafsir dan pengajian ilmu tafsir. Wahai ustaz, kamu kan specialist bidang tafsir saja, itu pun kalau kamu faham apa erti tafsir, lalu bagaimana kamu berfatwa, merendah-rendahkan, melabel kafir dan memerangi siapa yang tidak kamu sukai dan tidak menyetujui kefasikan dan kezindikanmu walau pun kamu punya banyak harta dan majalah berjela-jela!.

Ustaz, perbuatanmu ini takkan memberi faedah padamu juga tidak pada orang lain yang sama melanggar dan ahli engkar kerana kita sekalian berada dalam genggaman ALLAH yang Maha Keras pembalasanNya lagi maha membalas perbuatan dosa sama ada lambat atau cepat.

(Wahai kamu orang yang melanggar, engkar dan menentang) pernahkan engkau bertanya kepada dirimu siapa sebenarnya dirimu, siapa bapak dan

ibumu, apa asal keturunanmu dan sejak bila Islammu baik lalu diterima Allah? Lagi apakah sumber ilmu dan dari siapa engkau mengambilnya wahai si jahil yang sakit? Dan apakah engkau bersih dari keaiban akhlak, akal, naql, logika dan apakah engkau selamat dari penyakit-penyakit hati dan jiwa lalu engkau berani dan layak menonjol dirimu untuk membangkang dan engkar kepada Ulama yang 'Amilin dan Masyaikh yang Kamilin?

Tidakkah engkau berasa malu pada dirimu sendiri? Tak mengapalah kalau kau tak malu, tapi tidakkah engkau malu kepada Tuhanmu Tabaroka wa Taala lalu dengan berani engkau bicara semberono tanpa ilmu, tanpa adab dan segan silu. Engkau mengerjakan perbuatan homoseks yang terkutuk dan keji lagi engkau menghalalkannya. Engkau terlibat riba, mengambil tanpa hak, mengotori dan berdusta. Engkau tidak membayar gaji kepada pekerjamu, seluruh tingkah laku dan ucapanmu kepada mereka di kelilingmu mengandungi kekejian dan akhlak buruk. Engkau berzina dan bangga melakukan sumbang mahram. Engkau menghalalkan yang haram dari makan dan minum. Engkau mengharamkan yang halal dari majlis-majlis zikir, khatam Al-Quran, juga majlis mentakzim Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dalam bentuk madah pujian dan peringatan kepada Baginda dan menyebut-nyebut kemuliaan budi pekertinya.

Alhamdulillah syukur kepada ALLAH dan segala jasa itu dariNya jua kerana Dia telah membongkar kamu sekalian dengan lidahmu sendiri. Kerna tali dusta, tipu dan khianat itu adalah kontot walau berapa panjang dihela.

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ.

"Pada hari lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi terhadap diri mereka sendiri, tentang segala yang mereka lakukan" An-Nuur: 24

الْيَومَ نَخْتِمُ عَلَى أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ.

"Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan" Yaasin: 65

Kepada pihak ini dan kaum yang sejenis mereka saya katakan wahai awang-awang kenit... wahai semut!;

قَالَتْ نَمْلَةٌ يَا أَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسَاكِنَكُمْ لا يَحْطِمَنَّكُمْ سُلَيْمَانُ وَجُنُودُهُ وَهُمْ لا يَشْعُرُونَ.

"...berkatalah seekor semut: "Wahai sekalian semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing, jangan Sulaiman dan bala tenteranya memijak serta membinasakan kamu, sedang mereka tidak menyedari" An-Naml: 18

Tak tahukah sekelian kamu siapa dia Saiyidina wa Maulana Muhammad صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم yang difirmankan ALLAH Subhanahu wa Taala tentang haknya di dalam Al-Quran yang dibaca selama-lamanya;

وَإِنَّكَ لَعَلَى خُلُقٍ عَظِيمٍ

"Dan bahawa sesungguhnya engkau (ya Muhammad) mempunyai akhlak nan agung" Al-Qalam: 4

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلاَّ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

"Dan tidaklah Kami mengutusmu (ya Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat kepada alam semesta" Al-Anbiya: 108

Kami sudahi dulu dengan beberapa ayat nan mulia sebagai nasihat kepada golongan tentera upahan yang jahil dari kalangan anak keturunan kaum Muslimin

Muslimat atau mereka yang baru masuk Islam (new converted) lalu terus menonjol diri di lapangan dakwah (dakwah seperti yang disangka mereka... dakwah menyeru orang kepada diri mereka dan kepada syaitan mereka, bukan dakwah menyeru kepada Tuhan, kepada agama dan kepada Rasul mereka صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم):

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالأَخْسَرِينَ أَعْمَالا. الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا. أُوْلَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا. ذَلِكَ جَزَاؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا وَاتَّخَذُوا آيَاتِي وَرُسُلِي هُزُوًا.

"Katakanlah (ya Muhammad): "Mahukah kami khabarkan kepadamu akan orang-orang yang paling rugi amal pekerjaannya? (Iaitu) mereka yang telah sia-sia amal usahanya dalam kehidupan dunia ini, sedang mereka menyangka bahawa mereka sentiasa betul dan baik pada apa sahaja yang mereka lakukan. Merekalah orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat Tuhan mereka dan akan pertemuan denganNya; oleh itu gugurlah segala amalan mereka; maka akibatnya Kami tidak akan memberi sebarang timbangan untuk menilai amal mereka di hari kiamat kelak.

(Mereka yang bersifat) demikian, balasannya neraka Jahannam, disebabkan mereka kufur ingkar, dan mereka pula menjadikan ayat-ayatKu dan para rasulKu sebagai ejek-ejekan" Al-Kahfi: 103-106

Maha Benarlah ALLAH Tuhan yang Maha Agung, lagi benarlah RasulNya yang mulia صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّم dan kami sekelian menjadi saksi atas yang demikian itu.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ الهَادِي البَشِيرِ الشَّفِيعِ الكَرِيمِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا.

"ALLAH berselawat ke atas Saiyidina wa Maulana Muhammad yang memberi petunjuk, khabar gembira lagi pensyafaat nan berbudi mulia, juga ke atas ahli keluarga dan para sahabatnya beserta salam yang sebanyak-banyaknya".

Rawatan Jiwa & Roh
Mengubat Hati & Pemurnian Diri

26 Julai 2012

أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ العَلِيمِ مِنَ الشَّيطَانِ الرَّجِيمِ ❋ بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيمِ ❋ وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيماً ❋

Alhamdulillah segala puji bagi ALLAH yang telah menganugerahi kita rasa kemanisan Iman dan Islam. Dia memayung kita dengan kepulan awan yang dipenuhi kurnia dan kenikmatan. Dia meletakkan rasa kasih di hati kita kepada hambaNya yang Muttaqin, Dia memuliakan kita dengan dapat mengenali para abdi pilihanNya yang akhyar yang mereka itu dicipta olehNya untuk mengenalNya dan ubudiyyah kepadaNya di tiap hal dan keadaan.

Selawat dan salam kepada *Khoyrul Hudati wal Ibad* Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم ; Petunjuk umat manusia dan Murobbi Teragung, beserta ahli keluarga dan para sahabatnya dan semua yang mengikut perjalanan mereka. Allahumma amin.

Di sisi para junjungan sufi soal tarbiyyah atau pendidikan jiwa merupakan perkara dasar dalam madrasah-madrasah kesufian yang berbagai ragam usul, furu', zauq, bekal dan minumannya. Tarbiyyah itu sendiri berbagai bentuk; ada tarbiyyah akhlak, tarbiyyah keilmuan, tarbiyyah keagamaan, tarbiyyah keduniaan dan ada tarbiyyah kejiwaan. Tarbiyyah hati merupakan jenis yang paling penting disisi para masyaikh sufi, ia telah diperbahas dengan panjang lebar oleh mereka hingga akhirnya bidang ini dikenal dengan nama *Fiqhul Qalb* (Feqah Hati).

Bagi yang meneliti sirah guru-guru sufi yang besar iaitu para masyaikh tarbiyyah yang masyhur menjalankan pendidikan akan mendapati bahawa syeikh tarbiyyah itu bermuamalah dengan setiap peribadi muridnya dengan interaksi yang berbeza-beza. Setiap muridnya itu ditarbiyyah dengan didikan yang khas untuknya, kemudian hubungan pendidikan antara syeikh dengan murid tidak terbatas kerpada soal-soal kejiwaan dan keagamaan saja, bahkan tarbiyyah meliputi segala hal lain termasuk soal-soal yang semata-mata dunia.

Bukan itu saja, bahkan seorang syeikh tarbiyyah akan mengambil berat segala urusan murid-muridnya dalam semua aspek; syeikh akan mengambil peduli segala hal kehidupan si murid dan pekerjaannya yang halal hinggalah kepada soal-soal lain dengan penuh perhatian. Kelihatan syeikh tarbiyyah itu seperti seorang doktor perubatan yang amat tekun dan dedikasi; dia melarang si A dari apa yang diberinya kepada si B, dia menyuruh si polan apa yang ditegahnya dari si polan yang lain… dan kedapatan hasilnya bahawa semua muridnya mencapai kejayaan dengan berkat asuhannya, mereka ibarat para malaikat yang terpelihara dalam serba-serbi, bukan hanya muridnya yang *mutajarrid* (yang bekerja mengkhidmati syeikh sepenuh masa) bahkan itulah juga hal muridnya yang *mutasabbib* (yang punya pekerjaan sendiri).

Kebanyakan masyaikh tasawuf agung yang sifat mereka itu *sodiqin* (bukan syeikh penipu, yang mendakwa itu ini dan bajingan) ibarat golongan professional yang merawat roh dan jiwa ummah sepertimana doktor-doktor perubatan merawat jasad lahir. Ini kerana syeikh kamil dan mursyid yang murobbi adalah seorang tabib atau doktor yang menjuarai bidang pengkhususan penyakit hati. Dia begitu mahir mendiagnosis penyakit dan tahu apakah penawar yang dapat menyembuhkan sakit itu. Dia amat dedikasi dalam tugasnya menyemai cinta kepada ALLAH di hati para hambaNya. Dia begitu pintar dan

halus, cerdik, berpengalaman, punya eksperimen, luas pergaulan, kasyafnya yang sahih dan terang terzahir pada dirinya dengan berkat cahaya amalan menjejak perjalanan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم pada perkataan, perbuatan dan halnya. Dia memiliki ijazah yang benar, terang dan jelas dalam memimpin ummah menuju ALLAH Subhanahu wa Taala melalui jalan pemurnian jiwa, zikir, tarbiyyah dengan berguru, mengajar dan menjalankan majlis-majlis zikir dan ilmu. Dia memimpin dalam beramal dengan takut dan harap, adab dengan khidmat dan mahabbah....

Adapun para murid sufi yang merupakan penuntut ALLAH Tabaroka wa Taala, mereka adalah para pesakit di sisi syeikh. Jika murid sufi yang merupakan golongan istimewa di sisi ALLAH adalah pesakit maka bagaimana pula dengan masyarakat awam?! ALLAH sajalah yang dapat mensifatkan mereka.

Demikianlah seorang syeikh yang kamil dan mursyid yang murobbi itu merupakan tabib bagi merawat hati, roh dan diri murid. Bagaimana mungkin seorang syeikh sanggup untuk merawat dan sabar ke atas mereka selama bertahun-tahun, kalaulah bukan kerana ini memang tugas dan tanggungjawab syeikh mursyid nescaya dia takkan mampu untuk terus menjalaninya dan bertahan.

Sesungguhnya manusia itu tercipta dari jasad dan roh. Sepertimana jasad perlu kepada perubatan demikianlah halnya dengan roh. Perubatan rohani dan jiwa (perubatan hati dan pemurnian jiwa) inilah yang dijalankan oleh para syeikh murobbi sufi sejak mula mereka zahir ke pentas dunia di zaman salafus soleh -moga ALLAH meredhoi mereka sekalian- dan merekalah yang saya maksudkan dalam artikel ini.

"Orang sakit" pun mendatangi syeikh murobbi sufi; ada yang keras hati, ada yang kelalaian menguasai jiwanya, ada yang dirinya merasa sombong, ujub, cinta kemasyhuran, ada juga yang merasa dadanya sempit dan tak tahu di mana puncanya, ada juga yang dikuasai cinta material dan bermacam-macam lagi ragam manusia dengan penyakit dalam jiwanya. Lalu di tangan para murobbi inilah manusia beroleh penawar yang segera dapat merawat segala penyakit itu dan kelebihan ini memang tidak dapat diengkari wujudnya pada ahli sufi, siapa saja yang merenung dengan waras dan akalnya sejahtera pasti dapat melihat kenyataan ini.

Dapat ditonton dalam realiti hidup bahawa manusia ramai amat beriman dengan sakit tubuh badan namun mereka tidak percaya yang jiwa/ nafsu mereka berpenyakit. Kalau ada orang merasa tubuhnya sakit dia akan segera bertemu doktor dan mengadukan gejala sakit yang menimpanya, dia akan minta doktor untuk memberi ubat, dia takkan ragu

untuk melakukan apa saja arahan doktor dan dia akan sanggup membelanjakan wang ringgit demi rawatan tanpa mengira berapa kosnya.

Manusia yang sama juga jiwanya berpenyakit, tapi dia langsung tak mengambil berat, dia tidak peduli untuk memberi perhatian sewajarnya kepada sakit itu, dia tidak merasa perlu kepada tabib yang dapat merawat jiwanya, dia tidak ambil pusing dengan gelaja-gejala yang timbul dari sakit jiwanya itu dan tidak mahu mengambil tahu apa sebab-sebabnya. Penyakit jiwanya boleh jadi berlarut-larutan hingga ke tahap tepu namun dia tidak juga berusaha untuk mendapatkan rawatan, tidak kisah untuk mencari ubatnya. Seolah-olah bagi manusia ini jiwanya lebih murah dari tubuh kasarnya dan rohnya lebih remeh dari jasad lahirnya.

Oleh kerana manusia memberi perhatian besar kepada tubuh badan dan tidak kepada jiwa dan roh maka kita pun mempunyai satu sistem perubatan yang lengkap dan meliputi seluruh anggota jasad. Ini tidak kita beri kepada perubatan jiwa. Di mana-mana terdapatnya institusi pengajian untuk menggraduan para doktor hingga ke bidang perubatan haiwan, ada kolej perubatan khas untuk anatomi dan eksperimen, bidang-bidang pengkhususan medik yang berbagai cabang melahirkan doktor mata, doktor hidung dan kerongkong, doktor gigi, doktor perubatan dalaman dan bermacam-macam lagi

bidang pengkhususan yang lain.

Tiap kawasan kalaupun tidak ramai pasti ada seorang doktornya, tiap sekolah juga ada doktornya dan di setiap ceruk negeri akan ada hospitalnya. Aktiviti perubatan dipandang masyarakat sebagai satu bentuk kebajikan dan mereka menyumbang dana untuknya. Kerajaan pula melihatnya sebagai satu kewajiban sosial yang diberi peruntukan besar dalam belanjawan. Farmasi-farmasi dibuka di tiap kawasan perumahan dan jalan-jalan perniagaan untuk melayani keperluan para doktor dan masyarakat awam setiap masa. Begitulah ini semua dilakukan demi menjaga tubuh badan ketika sakit dan sihatnya.

Sistem perubatan terus maju dan berkembang sesuai dengan tuntutan zaman, kajian dan ilmu pengetahuan moden memberi input terkini kepadanya, bidang perubatan moden terus menyesuaikan diri dengan keadaan semasa, peralatannya makin hari kian canggih dan demikianlah akal fikiran manusia memberi perhatian terhadapnya hingga ada doktor-doktor pakar urat saraf, hospital gila, tesis dan eksperimen mengenai penyakit-penyakit mental dan rawatannya.

Tapi apalah malangnya nasib jiwa dan roh yang kalau pun diberi perhatian oleh manusia maka bandingannya dengan bidang perubatan tubuh badan seperti arnab dengan singa. Tiada masyarakat yang

peduli tentang mara bahaya penyakit jiwa, tiada institusi pengajian ditubuhkan untuk melahirkan doktor-doktornya, tiada hospital dibangunkan untuk merawatnya. Sedangkan saya percaya atau hampir memutuskan dengan muktamad bahawa sebenarnya derita yang ditanggung oleh manusia dari sakit jiwa mereka lebih berat dan lebih besar dari kesakitan yang ada pada tubuh badan kasar mereka. Begitu juga bencana yang menimpa masyarakat dari pesakit jiwa ini adalah lebih parah dari apa yang disebabkan oleh pesakit tubuh badan...

Sesungguhnya penyakit-penyakit jiwa/nafsu itu tak terhitung banyaknya. Berbagai macam ragamnya sepertimana penyakit badan yang ada pada mata, perut, usus dan sebagainya. Ada juga wabak yang menjangkiti jiwa manusia seperti penyakit berjangkit yang hinggap pada tubuh badan. Ada jenis-jenis emosi yang boleh membakar diri, yang dapat menyebabkan tubuh kasar jadi merana, binasa dan bermacam-macam lagi gejalanya. Untuk semua penyakit ini ada rawatannya yang berbeza-beza mengikut jenis sakitnya, berdasarkan pesakitnya. Ubatnya juga tertentu mengikut jenisnya, ada ubat yang hanya meredakan gejala sakit dan ada ubat yang menyembuhkan penyakit itu.

Sememangnya pengkajian, diagnosis dan rawatan terhadap penyakit-penyakit jiwa/nasfu ini adalah lebih halus dan terlebih sukar untuk dicapai, pemeriksaan

perubatannya adalah lebih misteri. Beza antara dua jenis perubatan dan rawatan ini umpama beza antara tubuh kasar manusia dengan jiwa dalam dirinya.

Sungguh betapa perlunya kita di bidang perubatan jiwa ini kepada para doktor pakar, hospital-hospital yang dilengkapi segala kemudahan, kajian-kajian ilmiah yang mendalam dan produktif disertai sistem yang maju setaraf dengan kemajuan perubatan tubuh kasar di zaman serba moden ini.

Boleh jadi apa yang membuatkan manusia ramai leka dari merawat jiwa mereka dan asyik dengan rawatan tubuh kasar semata-mata adalah kerana majoriti manusia masih sibuk berenang-renang di daerah indera yang kasar semata-mata. Mereka masih belum memberi pemerhatian terhadap jiwa dan segala ehwalnya. Kalau badannya terluka sedikit dia akan cepat-cepat pergi kepada doktor untuk mendapatkan rawatan dan pencegahan. Jika tulangnya patah dia akan berjumpa doktor orthopedik untuk menyimen di mana yang patah. Tapi kalau jiwanya yang luka walau begitu parah sekalipun, kalau hatinya yang patah walau remuk sekalipun dia masih sanggup menanggung sakit tanpa berusaha untuk mengesan punca dan natijahnya, atau cara-cara merawatnya, kerana dirinya masih bermentalkan kebendaan dan berfikiran cetek.

Atau boleh jadi juga sebabnya ialah manusia tidak

percaya kepada para tabib jiwa sepertimana beriman totalnya mereka dengan doktor-doktor yang merawat tubuh kasar. Mereka tidak percaya dengan kelayakan para tabib jiwa, mereka mengesyaki sepenuhnya tentang kemampuan seorang syeikh murobbi dalam merawat jiwa mereka. Kerana itu manusia pun memilih untuk putus asa dari merawat sakit dalam jiwanya seperti dia putus asa dari merawat sakit tubuh kasar yang mustahil dapat disembuhkan dan belum ditemui penawarnya.

Kalau inilah situasinya maka perubatan jiwa harus bangkit membuktikan kemampuan diri dan memberi keterangan tentang kejayaannya supaya masyarakat memberikan perhatian dan percaya kepadanya.

Boleh jadi juga sebabnya ialah ramai manusia percaya bahawa penyakit-penyakit jiwa itu sesuatu yang remeh-temeh. Orang ramai yakin bahawa mereka sendiri mampu merawat sakit jiwa mereka tanpa perlu merujuk kepada doktornya; jika ada orang sedih mengapa tidak dia ketawa saja? Jika ada yang merasa murung kenapa tidak pergi berhibur? Kepercayaan ini amat jelas salahnya. Hakikatnya setiap penyakit jiwa itu sama halnya dengan penyakit pada tubuh kasar; ada yang dapat diubat dengan cara rawatan yang betul dan ada juga jenis penyakit yang sulit untuk ditangani hatta oleh seorang doktor mahir atau pakar sekalipun.

Boleh jadi saudara pembaca merasakan bahawa bidang perubatan jiwa tak pernah diabaikan. Ada sekolah-sekolah pemulihan moral, ada sukatan pelajaran agama dan akhlak untuk merawat penyakit-penyakit yang disebutkan tadi. Ada penceramah-penceramah agama untuk memberi bimbingan kepada masyarakat dan rawatan kepada jiwa mereka. Ada adat resam dan undang-undang yang mendorong orang ramai ke arah kebaikan dan mencegah mereka dari kejahatan dan ini semua dapat memurnikan jiwa manusia serta merawat sisi-sisi kejahatan yang ada dalam diri mereka...

Iya, semua ini memang ada faedahnya cuma saya lihat masih belum mencukupi kerana dari satu segi ia hanyalah bentuk rawatan umum yang disampaikan kuliahnya kepada semua orang. Samalah seperti doktor yang mengingatkan tentang kesan buruk akibat mengambil makanan berlebihan, bahaya rokok, faedah sukan kepada tubuh badan dan bersederhana dalam makan minum. Doktor ini amat kurang berhadapan peribadi yang menghadapi krisis jiwa yang tidak sama antara seorang dengan yang lain dan dengan latar belakang masalah yang berbeza pula, kemudian nafsu/jiwanya dari jenis apa dan apa pula rawatan khas yang perlu diberikan kepadanya.

Apa yang dikatakan oleh saudara pembaca tadi sebenarnya lebih kepada pencegahan dari penyakit dan bukan rawatannya. Jadi doktor ini apabila

menghadapi situasi sebenar yang memerlukan rawatan dia hanya mampu memberi bentuk rawatan umum tadi, kerana -pada kebiasaanya- dia memang tidak berkemampuan untuk melakukan lebih dari itu.

Dari sudut lain pula rata-rata rawatan jiwa yang ada di tengah masyarakat kita sekarang kebanyakannya tidak berasaskan kepada pencapaian ilmu moden, tidak dibina di atas penemuan-penemuan terkini dalam bidang saikologi dan betapa sedikitnya pula penemuan-penemuan itu. Kajian-kajian saikologi moden hanya memberi tahu tentang arah tuju yang masih misteri mengenainya dan tentang kesilapan ilmu jiwa zaman silam mengenai gambaran mereka terhadap jiwa manusia, penyakit-penyakitnya, kejahatannya dan cara-cara memurnikannya. Sementelahan pula para cendikiawan saikologi hingga kini mengakui bahawa pencapaian mereka masih baru di peringkat permulaan. Apa yang mereka perkataan tentang jiwa manusia tidak lebih dari kata pengantarnya kerana hingga kini mereka masih belum mampu untuk untuk mengenali apa itu sebenarnya jiwa manusia.

Maka sudah sepatutnyalah proses pemurnian hati, kajian mengenai akhlak dan rawatan jiwa digemblengi dengan pencapaian dalam ilmu saikologi dan sains sosial sepertimana ilmu perubatan tubuh kasar digembleng dengan penemuan-penemuan dan ciptaan terkini kerana sakit dan luka hari ini tidak sama dengan zaman dahulu. Namun ini juga

masih belum mencukupi.

Boleh jadi aspek yang paling mendekati perubatan jiwa adalah aspek kesufian. Dalam tradisi sufi seorang murid akan mengadukan kepada syeikh mursyid segala apa yang ada di benak hatinya, krisis nafsunya, was-wasnya, lintasan kalbunya, penderitaan batinnya, sengsara jiwanya dan syeikh akan memberi penjelasan yang dilihat paling sesuai dengan murid itu dan yang paling dapat merawatnya. Syeikh akan memberinya jalan-jalan yang perlu ditempuh dan arah-arah yang perlu diikuti, wirid-wirid yang perlu dibaca murid yang dirasakan oleh syeikh dapat merawat sakitnya dan menyembuhkan jiwanya. Syeikh mempunyi pandangan dan firasat yang tidak sama bagi tiap murid dan dengan pandangan firasat itu dia mendiagnosis, mengenalpasti penyakit dan memberi rawatannya.

Cuma situasi antara murid dan syeikhnya ini hampir-hampir terbatas dalam ruang lingkup agama sahaja, adapun segala permasalahan lain yang mencakup soal-soal keduniaan dan kemasyarakatan jarang sekali ditangani oleh murid dan syeikh. Aduhai di manakah seorang murid dapat menemui syeikh sebegini yang pandangannya seni, fikirannya tepat dan firasatnya luhur lagi beroleh taufik dalam tiap penjelasannya.

Jika kita memang tidak punya "syeikh yang pandangannya seni, fikirannya tepat dan firasatnya

luhur" dan masyarakat manusia pula tidak mengecapi sistem perubatan jiwa yang lengkap memuaskan seperti yang ada pada sistem perubatan tubuh kasar, maka yang dapat dilihat adalah mangsa-mangsa penyakit jiwa yang amat ramainya, yang tewas dengan wabaknya tidak terkira sedangkan terlalu lemah dan dinginnya perhatian yang diberi kepada jenis penyakit yang amat merbahaya ini.

Di mana-mana ada saja orang yang sakitnya ialah takut mati, takut fakir, takut bos. Ada yang sakitnya ragu-ragu terhadap keabsahan agama, ragu-ragu tentang hidup dan nilai kehidupan, ragu tentang apa saja di kelilingnya baik di bumi maupun di langit. Ada yang sakitnya sedih dan tidak ada satu pun yang menggembirakannya dalam hidup; orang yang mahu hidupnya terus dalam tangisan dan berpandangan gelap terhadap apa saja yang dipandangnya, dia sedih ketika orang lain sedih dan dia sedih ketika orang lain ketawa. Jika tidak ada sebab untuk bersedih dia akan menciptakan sebab-sebab kesedihan walau dari dasar yang penuh kegembiraan.

Demikianlah mencengkamnya penyakit jiwa ini seperti batuk kering, barah dan segala macam jenis penyakit merbahaya yang membunuh. Penyakit jiwa yang pada mulanya hanya satu sindrom kecil-kecilan menimpa penghidapnya kemudian membesar dan terus merebak dalam jiwa hingga menewaskan manusia itu. Yang anehnya manusia sakit ini tidak pula

berusaha sedikit atau banyak untuk menghapuskan sakit itu sebelum ia membunuhnya, tidak pula dia berusaha untuk menewaskannya sebelum ditewaskan oleh penyakit itu. Seolah-olah manusia menganggap penyakit jiwa itu memang tidak boleh dirawat dan hanya akan menambah hampa kalau difikir-fikirkan.

Ada beberapa sebab yang menyumbang kepada berlakunya penyakit jiwa, antaranya tahap kesihatan, suasana masyarakat, kuman-kuman mikrobat pemikiran yang meresap ke dalam diri pesakit hasil dari membaca buku dan artikel itu dan ini, dari percakapan dan perbualan yang didengar, dari pemandangan dan peristiwa yang disaksikan dan berbagai-bagai lagi. Boleh jadi penyakit jiwa paling penting yang menimpa golongan intelektual datang dari sebab mereka tidak mahu menjadi diri mereka sendiri, mereka mahu jadi orang lain.

Jiwa tiap manusia telah diciptakan dengan aspek-aspek persamaan dan perbezaan antara satu sama lain. Ibarat wajah manusia; tiap wajah ada dua mata dan sebatang hidung yang menengahinya, mulut di bawah hidung dan dagu di bawah mulut. Walaupun begitu persamaan yang ada pada semua wajah namun tiap orang punya iras muka yang berbeza-beza. Demikianlah jiwa tiap manusia punya rasa yang sama terhadap kelazatan dan kesakitan, persamaan dari sudut naluri-naluri asas dan lain-lain. Pun begitu setiap insan juga punya iras jiwa tersendiri yang tidak

sama dari tiap sudutnya dengan jiwa insan lain.

Seorang insan akan merasa bahagia apabila dia kenal dirinya dengan tabi'i sejauh mana tahap yang mampu dirangkul olehnya, apa bentuk kemajuan yang dapat dicapai olehnya. Jika insan ini cuba untuk menjadi selain dari dirinya maka dia hanya akan menjadi "aktor", dia takkan dapat menghidupi kehidupannya yang normal.

Dia fakir tapi melakonkan watak raja, dia orang bangsat tapi melakonkan watak menteri, dia anak kecil tapi melakonkan watak dewasa yang tua bangka, dia seorang askar prebet tapi melakonkan watak jeneral besar, dia lelaki tapi melakonkan watak perempuan... adalah mustahil bagi insan ini untuk menyesuaikan antara dirinya yang hakiki dengan watak yang dilakonkan melainkan sekadar tempoh keberadaannya di pentas teater. Selepas itu jika dia masih mahu meneruskan watak lakonannya dia hanya akan diejek dan ditertawakan orang sedangkan dirinya sendiri hanya akan dipenuhi keharu biruan dan ketidak stabilan.

Sebab utama mengapa orang berpelajaran tidak stabil jiwanya berpunca dari dirinya yang bodoh tapi berlagak pandai, atau tabiatnya yang cenderung kepada uzlah dan memencil diri tapi dia mahu menonjol dan popular, atau dia intelek tapi mahu jadi sasterawan, atau dia sasterawan tapi mahu jadi intelek,

atau dia orang yang tabiatnya berterus terang tapi mahu berpura-pura, atau dia orang yang tabiatnya pemalu tapi mahu jadi biadap... Orang ini mencuba dan terus mencuba untuk jadi orang lain kemudian dia gagal dan terus gagal kerana dia memaksa diri melawan tabi'i dirinya.

Kegagalan yang diterima telah memberi tamparan hebat kepada dirinya lalu melahirkan gundah gulana spiritual serta huru-hara dalam jiwanya dan di masa yang sama dia mahu menjadi seorang insan normal. Nasihat terbaik untuk orang ini dan yang sewaktu dengannya ialah dengan berkata kepadanya :

> ***"Carilah seorang syeikh mursyid murobbi yang dapat membimbingmu mengenal dirimu dan kemudian mengenal Tuhanmu Tabaroka wa Taala", dengan cara inilah segala sakit jiwamu, rohanimu dan hatimu akan terubat".***

Demikianlah yang telah datang kepada kita dari sabda junjungan mulia Saiyidina wa Maulana Muhammad Ar-Rasul صلى الله عليه وسلم :

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ عَرَفَ رَبَّهُ

> ***"Barangsiapa mengenal dirinya dia telah mengenal Tuhannya"***

Moga ALLAH memasukkan kita dalam golongan hambaNya yang berniat baik kepada ahli zikir yang

banyak ingatnya kepada ALLAH, kerana sebaik-baik amalan adalah berbaik sangka kepada ALLAH dan kepada para hambaNya, khususnya para Ahlillah iaitu ahli kewalian dan ri'ayah yang dipilih ALLAH Subhanahu wa Taala untuk bertakwa kepadaNya.

Mari Mengenal Syeikh Mursyid As-Syeikh Al-Kamil Al-Murobbi

15 Mei 2012

بسم الله الرحمن الرحيم * وصلى الله على سيدنا ومولانا محمد رسول الله صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه وسلم تسليما إلى يوم الدين *

Sidang pembaca budiman,

Alhamdulillahi robbil 'alamin, selawat dan salam ke atas sirr dan cahaya teragung; Penghulu Junjungan Muhammad Ar-Rasul صلى الله عليه وسلم yang Baginda itu telah menjadi Nabi ketika Saiyidina Adam عليه السلام masih antara air dan tanah.

Artikel ini akan membicarakan saripati peradaban yang mesti dimiliki oleh seorang Syeikh Murobbi yang berada di martabat masyaikh (pimpinan kesufian) sepertimana keadaan para masyaikh kami

yang kamil (sempurna) -semoga ALLAH meredhoi mereka dan mengurnia kepada kita manfaat mereka- beserta senarai kewajibannya dalam membimbing, mentarbiyyah dan memurnikan jiwa para pengikut yang merupakan teman-teman, ikhwan, anak-anak didik, murid-murid dan para siswanya.

Perincian mengenai bab ini adalah terlalu banyak dan berbagai jenis, namun itu semua terangkum dalam kalimat-kalimat penuh keberkatan yang telah diucapkan oleh Junjungan Masyaikh kami yang kamil seperti yang akan dibentang dalam artikel ini. ALLAH tabaroka wa taala jua sumber taufik dan hidayah, pertolongan, madad dan kabul. Lalu marilah kita masuk membicarakannya;

Pengertian Syeikh Mursyid

Perkataan Syeikh dalam Bahasa Arab memberi pengertian seorang lelaki yang telah melangkau umur lima puluh tahun. Dalam istilah Tasawuf pula syeikh bererti seorang lelaki yang telah mencapai martabat kesempurnaan (walaupun dia masih muda remaja - dan ini amat jarang berlaku di zaman kita), lelaki ini diistilahkan oleh kaum sufi sebagai Al-Mursyid = Al-Murobbi (pembimbing jalan menunju ALLAH = pendidik).

Perkataan mursyid berasal dari kata terbitan irsyad yang memberi erti petunjuk, iaitu lawan dari kesesatan. Mursyid ini sifatnya murobbi, iaitu orang

yang membimbing kepada ALLAH melalui perkataan, ehwal dan perbuatannya. Junjungan para masyaikh kami yang kamil telah menjelaskan pengertian syeikh murobbi dengan perkataan mereka: "Seorang syeikh itu jika menasihatimu dia memberi kefahaman padamu... jika memimpinmu dia memberi petunjuk padamu... jika membimbingmu dia membangkit jiwamu. Seorang syeikh bererti dia menjadikan engkau komitmen dengan Al-Kitab dan As-Sunnah... menjauhkan engkau dari reka-rekaan baru, bid'ah dan mujassimah.

Seorang syeikh adalah yang zahirnya syariat dan batinnya syariat... dengan ertikata yang lebih jelas anggota lahirnya memegang teguh syariat dan dalam jiwanya juga begitu, kerana seorang syeikh itu segala pekerjaannya yang zahir dan batin sama sekali tidak menyeleweng dari landasan syarak.

Cogan dan hidupnya adalah untuk menyebarkan makarimul akhlak... seluruh waktunya dalam zikrullah, di majlis zikir dan bersama para ahli zikir. Inilah dia peribadi yang layak menjadi seorang syeikh yang diteladani dan imam yang dituruti dalam perjalanan menuju Allah".

Junjungan para masyaikh kami yang kamil telah menjelaskan pengertian Syeikh Kamil lalu berkata: "Wajib baginya mengetahui suruhan dan tegahan ALLAH kepadanya, dia adalah seorang

faqih (mempunyai kefahaman mendalam) pada urusan ibadah lagi baik akhlaknya, aqidahnya murni, arif mengenai hukum hakam tareqat, menempuh perjalanan kesempurnaan, dia adalah seorang yang dermawan, zuhud, tawadhu', sanggup menanggung segala bebanan, padanya ada wajd dan hal kesufian, perkataannya kejujuran, dia punya firasat dan lidahnya lancar dalam membicara hukum-hakam tareqat.

"Dirinya bersih dari latahan itu dan ini, jauh dari waham dan sangka-sangka, dakwa-dakwi yang tiada nyatanya, meninggi diri, takbur dan ujub… itu semua jauh darinya. Dia amat mencintai syeikh ahli sanadnya zahir dan batin, dia amat menjaga soal kehormatan tuan gurunya itu baik waktu hidup maupun selepas meninggalnya. Dia bersama ALLAH yang Maha Benar subhanahu wa taala dalam tiap perkara, dia berlaku benar pada kata dan perbuatan dirinya, dia bertawakkal pada ALLAH pada setiap ahwalnya".

Junjungan masyaikh kami yang kamil -semoga ALLAH meredhoi mereka dan mengurnia kita manfaat mereka- menjelaskan fadhilat mengenal Syeikh Kamil yang menjadi tauladan dalam rangkap kata berikut:

Seorang syeikh yang mursyid itu

sifatnya berpegang kitab Allah,

menurut sunnah Rasulullah,

menjejak jalan para sahabat.

Dia mengajar halal dan haram,
juga segala hukum dan hakam.
Akhlaknya luhur, fi'ilnya murni,
dakwahnya kepada Robbi Dzul Jalal.

Junjungan termulia jadi ikutannya
awaskan Allah; yang hak kalamnya

Dalam perjalanan amatlah pakar.
Tahqiq segala selok dan belok
teliti pada segala kaul
cermat mengambil kata yang soheh

Muafakat dengan hukum yang syarak
dasarnya teguh cabangnya rendang

Teliti dia lagi cermatnya,
pada jama', ta'shil dan tafriq

Menerangkan kepada para penuntutnya
hingga sampai kepada yang sebenarnya

Bualnya pada setiap insan

sesuai dengan ehwal keadaan

setara pula dengan kemampuan

yang dapat si murid mengamalkan

Bicaranya pada manusia ramai

dengan kalam ahli sufiyyah

demi ALLAH tiada diendah

cerca mereka yang suka menyanggah

Dari semua pentakrifan tadi dapatlah disimpulkan bahawa kedudukan Syeikh Mursyid Murobbi merupakan satu martabat dakwah kepada makhluk (ayyuhan naas) menuju kepada ALLAH Al-Malik Al-Haqq Al-Mubin Subhanahu wa Taala, dengan cara perjalanan Nabi As-Sidq pesuruh ALLAH Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Kalau Bukan Kerna Murobbi

Para Junjungan Sufiyyah -radhiyallahu 'anhum- berkata: "Jika bukan kerna Murobbi, tidaklah aku mengenal Robbi".

Firman ALLAH Tabaroka wa Taala dalam kitab suciNya:

ومن أحسن قولا ممن دعا إلى الله وعمل صالحا وقال إنني من المسلمين

"Dan siapakan yang terlebih baik perkataannya dari orang yang menyeru kepada Allah, dan dia berkata: Sesungguhnya aku termasuk dalam golongan muslimin" Surah Fussilat: 33

كنتم خير أمة أخرجت للناس تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر

"Kamulah sebaik-baik umat yang dikeluarkan dari kalangan manusia, kamu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran..." Aali Imran: 110

Telah bersabda junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم :

لئن يهدي الله بك رجلا واحدا خير لك من حُمر النعم

"Jika ALLAH memberi hidayah denganmu kepada seseorang maka itu lebih baik bagimu dari unta merah (harta yang paling berharga)".

Lagi sabda Baginda -yang diliputi selawat terbaik dan salam termulia- :

لن يستكمل عبد حقيقة الإيمان حتى يحب لأخيه ما يحب لنفسه

"Seorang hamba itu takkan sempurna hakikat imannya sehinggalah dia mengasihi kepada saudaranya apa yang dikasihi kepada dirinya".

Dan semoga ALLAH meredhoi penyair yang bermadah:

Adapun insan yang baik itu
yang menjadi sumber petunjuk
jika dia tidak begitu
ialah manusia liar dan buas

7 Jenis Syeikh

Para awliya' yang Arifin -ridhwanullah 'alaihin ajma'in- berkata:

Adapun syeikh itu tujuh golongan:

1- Syeikh yang dilayakkan oleh ALLAH dengan taufikNya.

2- Syeikh yang dilayakkan oleh junjungan Nabi صلى الله عليه وسلم dengan pimpinan Baginda.

3- Syeikh yang dilayakkan oleh Al-Quran dengan tadabburnya.

4- Syeikh yang dilayakkan oleh ilmu dengan mengajinya.

5- Syeikh yang dilayakkan oleh zaman dengan berlalunya masa.

6- Syeikh yang dilayakkan oleh ikhwan dengan kesepakatan mereka.

7- Syeikh yang dilantik oleh hawa nafsu dan dakwa-dakwinya dan inilah syeikh yang binasa.

12 Kriteria Syeikh Mursyid

Dan wajiblah bagi seorang syeikh yang membimbing murid dengan tarbiyyahnya memiliki 12 sifat:

1. Dua sifat dari hadrat ALLAH Tabaroka wa Taala; santun dan menutup kelemahan orang lain.

2. Dua sifat dari hadrat Junjungan mulia Saiyidina Muhammad صلى الله عليه وسلم ; belas kasihan dan rahmat.

3. Dua sifat dari hadrat Saiyidina Abu Bakr As-Siddiq Al-Akbar -radhiyallahu 'anhu-; kejujuran dan percaya.

4. Dua sifat dari hadrat Saiyidina Umar Al-Faruq Al-A'zham -radhiyallahu 'anhu-; menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran.

5. Dua sifat dari hadrat Saiyidina Othman Dzun Nurain -radhiyallahu 'anhu-; malu dan berserah diri.

6. Dua sifat dari hadrat Saiyidina Ali pahlawan unggul -radhiyallahu 'anhu-; zuhud dan keberanian.

Apabila seorang Syeikh yang Kamil, Murobbi yang Mursyid memiliki kesemua sifat ini, dengan keteguhan perjalanannya lagi murni pekertinya maka layaklah dia menjadi ikutan dalam perjalanan menuju ALLAH Tabaroka wa Taala.

Ciri Terpenting Bagi Syeikh Mursyid

Antara ciri yang paling penting bagi seorang syeikh mursyid ialah terlindung halamannya dari bicara wahdatul wujud, terjaga lisannya dari menyebut perkataan yang menjuruskan muridnya kepada perkataan hulul dan ittihad (bersatu Tuhan dengan makhluk) -wal'iyazu billah- kerana itu semua adalah tipu daya syaitan yang merobek agama, bertentangan dengan hukum syariat yang terang nyata dan berlawanan dengan apa yang dibawa oleh Baginda Saiyidul Mursalin صلى الله عليه وسلم.

Dan lagi antara peradaban yang wajib dimiliki benar oleh syeikh mursyid ialah memelihara hati para muridnya, menjaga keteguhan hemah dan waktu mereka dengan mengajar kepada para muridnya kanun perjalanan yang dibangsakan kepada Saiyidina Muhammad صلى الله عليه وسلم yang merupakan jejak kenabian. Wajib bagi syeikh mursyid mencintai para muridnya kerana ALLAH Tabaroka wa Taala, membimbing mereka semata-mata kerana ALLAH Subhanahu wa Taala dan bukan kerana apa-apa yang selainNya.

Dan hendaklah seorang syeikh mursyid itu menyungguhkan para muridnya pada berpegang teguh dengan kemurnian aqidah (aqidah Ahlis Sunnah Wal Jamaah, aqidah ahli mazhab 4), mentakzim alim ulama (ulama akhirat), mencintai para Ahli Feqah (yang mengambil dari yang halal dan lari dari yang haram). Hendaklah seorang syeikh mursyid itu dengan tangan hikmahnya menumbuhkan di dalam sirr para muridnya pohon tunduk pada ALLAH Subhanahu wa Taala, menyalahi hawa dan syaitan dan memenangkan kehendak ALLAH atas kehendak nafsu, cinta kerana ALLAH Subhanahu wa Taala dan benci kerana ALLAH Azza wa Jalla .

Dan hendaklah seorang syeikh mursyid itu mendorong dengan lisannya yang hikmah dan menasihati akan hemah para pencinta kepada ALLAH Tabaroka wa Taala. Hendaklah lisannya itu mensucikan ALLAH dan mengawas-awasi halaman tauhid. Hendaklah dia mengajar mereka akan segala hak ALLAH Tabaroka wa Taala, segala hak Junjungan Baginda Al-Musthofa Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم dan hak Imam (pemimpin) Tareqat yang merupakan syeikh yang murobbi lagi mursyid tanpa berlebih-lebihan atau mendewa-dewakan, namun mendirikan yang hak dan menunaikan kewajibannya semata.

Dan hendaklah seorang syeikh mursyid itu mengembala para muridnya agar menjaga kehormatan

semua Awliya ALLAH yang termulia. Menafikan kemurniaan sirr para awliya dari segala macam ucapan latahan yang dinisbahkan kepada masyaikh yang besar-besar, semua itu dengan syarat tidak mencela ketinggian makam mereka -semoga ALLAH mengkuduskan sirr mereka sekelian- Sekiranya latahan yang diriwayatkan itu dapat difahamkan maka diberi takwil yang baik lagi sesuai dengan zahir syariat. Jika tidak maka haruslah menyisihkan perkataan itu dari para awliya ALLAH dan diengkari riwayat yang mengatakan sedemikian itu kepada mereka.

Mujaddid Adalah Syeikh Kamil

Walhal ketahuilah bahawa para awliya (ulama'ul amilin) adalah manusia-manusia paling cemburu dalam menjaga hukum-hakam syarak. Mereka adalah para imam hidayah yang dengan merekalah ALLAH memperbaharui urusan agama umat Junjungan Nabi Muhammad.

Adapun janji Penata Syariat kita Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم tentang kedatangan para mujaddid (reformer) yang memperbaharui urusan agama ini adalah amat terang nyata, suci murni lagi putih bersih ibarat susu segar lagi perkara yang tiada barang setitik keraguan pun padanya bahawa yang dimaksudkan dengan mujaddid itu adalah syeikh yang kamil lagi menyempurnakan.

Sungguh Baginda Junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم sekali-kali tidak menguji kita dengan sesuatu yang tak terjangkau akal, inilah jalan keselamatan bagi golongan khas dan am.

Kewajiban Syeikh Mursyid

Dan wajiblah bagi seorang syeikh mursyid itu untuk tidak jemu-jemu berkhidmat kepada Tuhan dalam perjalanannya dan kehidupannya setiap waktu, dalam tiap gerak dan diam supaya hal dirinya menjadi pendorong kepada para pencinta dan pengikutnya. Semoga ALLAH meredhoi para masyaikh yang kamil atas ucapan mereka: "Seorang syeikh kamil itu mendidik dengan halnya sepertimana dia mendidik dengan perkataannya". Begitulah antara syarat pemimpin (mursyid) yang membawa kepada hidayah itu ialah "…hal dirinya menjadi pendorong murid untuk mencapai ketinggian".

Para masyaikh yang kamil -ridhwanullah 'alaihin ajma'in- turut berkata: "Wajiblah bagi mursyid murobbi yang tampil menjawat masyaikhah (pimpinan kesufian) dalam perjalanan menuju ALLAH bahawa dirinya itu kamil (sempurna). Berpegang kepada syariat, teguh beragama, menahan diri, menegakkan kalimah yang hak pada gerak dan diamnya. Arif tentang segala dasar tareqatnya, rukun-rukunnya, peradabannya, khalwahnya, jalwahnya, wirid-wiridnya, zikir-zikirnya, suluk tarbiyyahnya, segala

sirrnya, dan hendaklah dia menasihati para ikhwannya (para saudaranya dalam perjalanan menuju Allah), mencintai mereka semua, dia tidak memandang mereka melainkan apa yang diredhoi Robbul Alamin, mengkoreksi mereka pada tiap nafas dan gerak diam mereka berdasarkan tahap persediaan dan ketulusan mereka, berdasarkan peningkatan mereka dalam tahapan suluk (perjalanan tarbiyyah), hendaklah dia bersandar kepada ALLAH dan mentakzim segala syiar ALLAH Subhanahu wa Taala.

"Dan wajiblah bagi syeikh mursyid itu untuk tidak berpaling kepada latahan dan karut marut. Hendaklah dia itu seorang pejuang yang mempertahankan sunnah nabawiyyah, dirinya keras terhadap ahli bid'ah yang jahat (gerakan-gerakan Islam modernis yang berbagai rupa, warna, gaya dan segala macam pemikirannya), berlemah lembut terhadap semua makhluk, bebas dari dakwa-dakwi serta kesombongan itu dan ini terhadap manusia.

"Dan wajiblah bagi syeikh mursyid itu bertangan soheh; sanadnya berijazah yang sambung menyambung dari syeikh murobbinya hingga sampai kepada Junjungan Nabi Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم dan Bagindalah sanad teragung lagi Rasul termulia.

"Dan wajiblah bagi syeikh mursyid itu punya kemampuan untuk membimbing kaum muslimin,

tahu menilik segala tipu daya nafsu, dia adalah tabib yang mahir merawat segala penyakit jiwa, bijak melayan karenah mereka berdasarkan penerimaan mereka, dia adalah seorang yang teguh, menghimpun antara kalimat pengetahuan ladunni dengan perintah syar'i, dari himpunan dua sumber mata air ini dia mengambil natijah yang tulus, tasdiq dan taslim, jauh dari kehendak peribadi dan bantahan itu ini, tahqiq pada maqamnya tak kira sama ada dia diterima orang ramai atau ditolak mereka, dia amat waspada demi ALLAH Tabaroka wa Taala terhadap perubahan rasa dan kecemburuannya dari penerimaan dan penolakan manusia terhadap dirinya, keinginannya ialah menarik manusia kepada ALLAH Subhanahu wa Taala, kemahuannya ialah bagaimana menjadikan makhluk cinta kepada Al-Khaliq Jalla Jalaluh dan bagaimana seharusnya Al-Khaliq Tabaroka wa Taala menyayangi mahklukNya".

Mereka Membawa Nasihat

Sidi As-Syeikh Al-Kamil Al-Imam As-Suhrawardiy -semoga ALLAH meredhoinya dan mengurnia manfaatnya kepada kita- meriwayatkan dengan sanadnya yang bersambung kepada Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم bahawa Baginda telah bersabda:

"Demi Tuhan yang diriku berada dalam genggamanNya, jika kamu mahu nescaya aku bersumpah bahawa sesungguhnya abdi yang

paling dicintai ALLAH Tabaroka wa Taala adalah mereka yang menyukakan ALLAH kepada para hambaNya, dan menyukakan pada hamba ALLAH kepada ALLAH Subhanahu wa Taala, dan mereka berjalan di atas muka bumi dengan nasihat".

Adapun nasihat yang diisyaratkan dalam hadis mulia ini merupakan salah satu kriteria wajib jabatan masyaikhah. Dengan kriteria ini syeikh membimbing teman dan ikhwannya dan nasihat itu pula jika tidak didasarkan kepada hikmah dan pengajaran yang baik tidaklah ia berlabuh dan takkan tersemat di dalam hati.

Atas dasar inilah para masyaikh yang kamil -semoga ALLAH meredhoi mereka dan mengurniai kita manfaat mereka- mengambil berbagai pendekatan yang hebat dalam menasihati ikhwan, mereka benar-benar menguasai pelbagai teknik kelembutan hikmah dalam menyampaikan pengajaran. Dan seorang syeikh itu apabila semakin dia menyempurnakan prasyarat hikmah ini semakin tinggilah darjatnya dalam tingkatan kamal hingga akhirnya mencapai kedudukan naib pada maqam irsyad (pimpinan rohani) dari Penghulu Agung dan Rasul mulia Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Tika itu kedudukannya dalam barisan awliya adalah sebagai golongan tokoh kesempurnaan mereka -semoga ALLAH meredhoi mereka dan mengurniai

kita manfaat mereka-, dan apabila seorang syeikh telah mencapai puncak keunggulan peri perjalanan ini dan menyingkap segala misterinya maka jadilah dia seorang waris yang bersifat jami' dan insan yang kamil.

Mencapai Maqam Kewalian Sempurna

Junjungan kami para masyaikh yang kamil -semoga ALLAH meredhoi mereka dan mengurniai kita manfaat mereka- berkata: "Seorang hamba itu tidak mencapai maqam kewalian sempurna melainkan jika akalnya telah sempurna, tinggi hemahnya, benar ketulusannya lagi sempurna dia menjejaki segala perkataan dan perbuatan Saiyidina wa Maulana An-Nabi صلى الله عليه وسلم . Ini kerana mencapai martabat kewalian bererti si wali menjadi timbalan Saiyidina wa Maulana An-Nabi صلى الله عليه وسلم pada umat Baginda.

Dan tidaklah seorang syeikh itu dikira ahli kesempurnaan sehinggalah akalnya meliputi pengetahuan segala syubhat golongan zindik dan mulhid disertai faham pada selok belok dan tujuan segala pemikiran itu. Keteguhan imannya mampu mengenyahkan dan memadam segala syubhat tersebut, kekuatan hujjah syariat dan hikmah dari lentera kenabian yang ada padanya dapat menolak segala kesamaran itu.

Demikianlah juga tidak dikira sempurna seorang syeikh itu hinggalah akalnya meliputi segala

pengetahuan mengenai ehwal pencuri, pemabuk, penzalim, perompak-penyamun, pembelot, penipu, ahli makar dan helah, dari mana sumber hemah mereka dan sampai ke mana puncak kepuasan dalam pekerjaan mereka, dari tiap jenis dan ragamnya, hinggalah syeikh itu benar waspadanya dan koreksinya pada nafsu dengan tiap nafsu, hingga tidak tersamar padanya kriteria setiap sifat tercela itu dengan sifat yang lain, hinggalah syeikh itu berkemampuan mensucikan diri mereka yang dikotori dengan nafsu-nafsu yang amarah lagi penuh dengan musibah yang membinasakan itu, maka disitulah syeikh menjadi naib kepada Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم di maqam irsyad yang murni, kerana sesungguhnya tiada satu pun sifat tercela melainkan Baginda صلى الله عليه وسلم memberi amaran kepada umat tentangnya, dan tiada satu pun sifat terpuji melainkan Baginda memerintahkan umat untuk memilikinya.

Dan tidaklah seorang syeikh itu dikira sempurna sehinggalah akalnya meliputi pengetahuan segala hukum keaiban agar dia dapat menyedarkan orang lain terhadap keaiban itu, begitu juga segala hukum kebaikan sehingga dia dapat mendekatkan orang lain kepada kebaikan itu dengan hikmah yang sejahtera dan nasihat yang baik seperti yang difirmankan ALLAH Taala kepada penghulu makhlukNya *'alaihi solatullah tabaroka wa taala* :

ادع إلى سبيل ربك بالحكمة والموعظة الحسنة"

Hendaklah kamu menyeru kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik..."

Dan tidaklah seorang syeikh itu dikira sempurna sehinggalah akalnya meliputi pengetahuan kadar segala perkara dengan rincian dan keseluruhannya dengan jalan menyeluruh, dalam ertikata dia mengetahui nilai suatu perkara di sisi mereka yang cenderung dan menuntutnya sepertimana pengetahuannya terhadap nilai perkara itu di sisi mereka yang tidak cenderung dan zuhud terhadapnya, dengan itu syeikh dapat menyusun hikmah bimbingannya dalam satu sistem yang kemas lagi muafakat dengan hikmah segala macam tabiat insan dan wajiblah bagi syeikh dalam mengerjakan semua itu untuk tidak tersasar dari landasan syarak walau sebesar zarah pun baik pada perkataan mau pun perbuatannya.

Siapa Syeikh Kamil?

Maka apabila seorang syeikh menghimpun kesempurnaan semua sifat ini pada dirinya terbilanglah dia sebagai ahli kesempurnaan, sebagai syeikh yang kamil lagi murobbi, penasihat hakiki lagi guru mursyid yang sifatnya santun, pendeta, pemurah dan menutup kelemahan orang lain.

الله صلى الله عليه وسلم وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا إلى يوم الدين. سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.

MAAF: Artikel ini hanya khusus bagi mereka yang dikehendaki dan dipilih oleh ALLAH Tabaroka wa Taala menjalani lebuhraya dampinganNya, jalan kewalian dan inayah

dan dia ditemukan ALLAH dengan syeikh murobbi yang membimbing tangannya dalam perjalanan kesempurnaan insan Islami.

Orang Mukmin Kenal Si Fasik Dari Gaya Tutur Kata

21 Mac 2012

بِسمِ اللهِ الرَّحمَنِ الرَّحِيم. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا إِلَى يَومِ الدِّينِ.

Saudara-saudari, apa yang kita fahami dari ayat Al-Quranul Karim ini?:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

"Wahai orang-orang yang beriman! jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan)

kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan"- Al-Hujurat: 6,

Dan bagaimana cara kita memahaminya? Apakah kita punya akal yang soheh dan hati yang sejahtera untuk memahaminya? Sesudah itu bagaimana caranya kita dapat mempraktis ayat ini, menghayatinya dan menyebatikan kehendak ALLAH - Subhanahu wa Taala- dari ayat ini dalam kehidupan kita berinteraksi sehari-hari.

Benar, bicara ayat mulia ini ditujukan kepada mereka yang beriman, namun ia juga adalah bicara umum kepada seluruh manusia dan jin walaupun mereka yang beriman (dengan ALLAH Taala, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, hari Akhirat, qadha' qadar yang baik dan yang buruk) mereka yang beriman-lah makhluk Tuhan yang paling patut beriltizam dengan etika Robbani dan didikan Al-Quran ini, disertai adab sempurna, cinta, takzim, ittiba' (menelusuri perjalanan) dan bukan dengan ibtida' (mereka-reka).

Takrif perkataan Al-Faasiq atau Al-Fusq (wal'iyazu billah… Allahumma selamatkan kami dan peliharalah kami darinya) ialah keluar menentang, berterang-terangan dan terbuka tanpa malu atau segan, tanpa adab, tanpa resam atau undang-undang atau prinsip,

bahkah keluar menentang dengan sikap tidak tahu malu, biadap dan jahat terhadap segala perkara yang benar dan diketahui ramai lagi diterima oleh semua.

Contohnya keluar dari kebenaran dan yang betul kepada kebatilan dan kesesatan. Keluar dari kemuliaan mentaati perintah ALLAH -Jalla Jalaluhu- kepada kehinaan maksiat dan derhaka kepadaNya. Keluar dari istiqamah adab dan akhlak, jalan lurus dalam interaksi dan perangai kepada sikap taksub, ekstrim dengan pendapat, sikap melampau dalam agama, menyeleweng dari kemanusiaan dengan bersikap terlalu berlebih-lebihan atau terlalu berkurang-kurangan, atau sikap mengunci dan memencil diri dengan pandangan sendiri, atau sikap ambil tak endah, tak peduli dan terbuka terhadap segala-galanya tanpa batas yang menjauhkan kita dari Allah, dan dari RasulNya Muhammad -sallalhu 'alaihi wa sallam- Nabi Al-Karim Al-Musthafa Al-Mukhtar yang telah mewaspadakan kita terhadap segala kejahatan dan menunjuk kita kepada tiap kebaikan.

Ayat tadi menyeru kita "menyelidik", yakni merenungi kata-kata yang tidak baik, ucapan yang berlenggang-lenggok, cerita fitnah dan berita tak elok yang sampai kepada kita supaya ia menjadi benar-benar jelas terang dan nyata kedudukannya. Supaya tiada kesamaran padanya dari semua sudutnya yang lahir maupun yang tersembunyi, tiada maknanya yang tersirat, tahu latar belakangnya dan objektif berita ini

sebelum dirimu tergesa-gesa dan terlajak mengambil tindakan atau memberi tindak balas dalam bentuk perkataan atau perbuatan, atau menghukum terhadap pihak yang tidak bersalah yang boleh jadi tidak tahu menahu langsung tentang cerita ini.

"Yang tertuduh adalah tidak bersalah
selagi tidak terbukti pertuduhan keatasnya"

ini satu prinsip yang diketahui ramai baik dalam perundangan maupun adat resam masyarakat manusia selagimana manusia itu belum berubah (prinsip kemanusiaannya) atau jika dia berubah dengan alasan memerangi terorisme yang mereka ertikan sebagai Islam… Saya tidak sebut kaum Muslimin di sini kerana mustahil bagi seorang Muslim menjadi penjenayah = pengganas.

Kerana jika saudara tidak berhati-hati barangkali saudara akan menyakiti dan memudaratkan ramai dan terlalu ramai orang yang tak bersalah. Apalah dosa mereka hingga berhak menanggung itu semua dan mana entah wajah Syarak-nya yang membenarkan itu berlaku kepada mereka. Walhasil tanggunglah engkau akan dosa, derita jiwa dan sesal yang terus berkepanjangan dalam hidupmu yang mungkin takkan ada penawarnya.

Sebagai contoh; Seorang ustaz/pendakwah/syeikh/personaliti popular yang diminati ramai, yang didengari perkataannya dan dipercayai sebagai tokoh yang faham serba-serbi, ahli kebaikan, amanah dalam

menyampaikan ilmu dan kefahaman yang soheh dan mendalam lagi suka membantu para pendengarnya menyelesaikan permasalahan mereka.

Ini semua cantik, mantap, hebat dan Insya ALLAH si tokoh akan besar pahala amal kebajikannya di hari Kiamat. Tapi masalah besarnya dan besar masalahnya, musibah bala dan bala musibahnya ialah tokoh pemimpin yang didengar kata-katanya ini terutamanya oleh ahli jemaahnya tidak suka atau benci dengan seorang insan/seorang tokoh yang sama masyhur sepertinya kerana cemburu, hasad, dendam peribadi atau tanpa sebarang sebab.

Lalu berkatalah sang pendakwah kepada jemaahnya bahawa dia mengkritik dan menyerang si polan (pesaingnya) itu semata-mata kerana cintakan agama dan demi menjaga maruah agama… (boleh jadi yang dimaksudkan sang pendakwah adalah agama rekaannya)

قُلْ أَتُعَلِّمُونَ اللَّهَ بِدِينِكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الأَرْضِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

"Katakanlah (ya Muhammad kepada orang-orang "A'raab" itu): "Patutkah kamu hendak mengajar kepada ALLAH tentang agama kamu (dengan berkata: kami telah beriman)? padahal ALLAH mengetahui segala yang di langit dan di

bumi, dan ALLAH maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu"- Al-Hujurat: 16.

Satu lagi contoh; fatwanya yang menghukum haram berkahwin dengan wanita sufi tapi tak mengapa kalau mengahwini Ahli Kitab, Yahudi, Nasrani dan lain-lain…

ذَلِكَ بِأَنَّهُمُ اتَّبَعُوا مَا أَسْخَطَ اللَّهَ وَكَرِهُوا رِضْوَانَهُ فَأَحْبَطَ أَعْمَالَهُمْ

"Itu kerana mereka menurut (serta melakukan) perkara-perkara yang menyebabkan kemurkaan Allah, dan mereka pula membenci perkara-perkara yang diredhaiNya; oleh itu, ALLAH gugurkan amal-amal (baik yang pernah) mereka (lakukan).

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَن لَّن يُخْرِجَ اللَّهُ أَضْغَانَهُمْ

Patutkah orang-orang (munafik) yang ada berpenyakit hatinya: menyangka bahawa ALLAH tidak sekali-kali akan mendedahkan perasaan dendam dan hasad dengki mereka?

وَلَوْ نَشَاءُ لَأَرَيْنَاكَهُمْ فَلَعَرَفْتَهُم بِسِيمَاهُمْ وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي لَحْنِ الْقَوْلِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَالَكُمْ

Dan sekiranya Kami kehendaki, tentulah Kami akan memperkenalkan mereka kepadamu (wahai Muhammad), lalu engkau tetap mengenalinya dengan tanda-tanda (yang menjadi sifat) mereka; dan demi sesungguhnya engkau akan mengenali mereka dari gaya dan tutur katanya, dan (ingatlah) ALLAH mengetahui segala yang kamu lakukan.

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ حَتَّى نَعْلَمَ الْمُجَاهِدِينَ مِنكُمْ وَالصَّابِرِينَ وَنَبْلُوَ أَخْبَارَكُمْ

Demi sesungguhnya! Kami tetap menguji kamu (Wahai orang-orang yang mengaku beriman) sehingga ternyata pengetahuan Kami tentang adanya orang-orang yang berjuang dari kalangan kamu dan orang-orang yang sabar (dalam menjalankan perintah kami); dan (sehingga) Kami dapat mengesahkan (benar atau tidaknya) berita-berita tentang keadaan kamu"- Surah Saiyidina Muhammad: 27-31.

Satu lagi contoh; Hati-hati dengan pendakwah itu kerana dia kafir dan murtad!!!... Wahai sang tokoh, atas dasar apa kamu melempar tuduhan tanpa ilmu dan hak?? Siapa kamu wahai insan untuk menghukum itu dan ini ke atas orang lain? Siapa yang memberi kuasa padamu untuk bertindak dan berkata sesuka hatimu? Ini dari satu sisi, di satu sisi yang lain pula ramai

yang jadi murtad zaman sekarang akibat disihir oleh musuh-musuhnya, antara tokoh yang menjadi mangsa seperti ini ialah Al-Ustaz Hasan Syahhatah Al-Masri -semoga ALLAH melepaskannya dari sihir itu dan melepaskannya dari bencana serta menyembuhkannya dengan afiat, Allahumma amin- .

Di sini ingin saya mengingatkan diri saya yang pertama dan yang kedua kepada orang lain khususnya kepada yang mengata-ngata atau mengkritik atau merendah-rendah dan memperleceh Junjungan kami Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم dan Ahlul Bait, isteri-isteri dan seluruh sahabat Baginda, renunglah hadis mulia ini yang menyatakan hak golongan awam ummah maka betapa pula hak golongan khas dan khasatul khasah-nya;

Sabda junjungan Saiyidina wa Maulana Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وعلى آله وصحبه وَسَلَّمَ :

سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ وَقِتَالُهُ كُفْر

"Mencerca orang Muslim adalah kejahatan dan memeranginya adalah kekufuran".

Hai insan! Demi ALLAH perbuatanmu amat mengaibkan, haram, jenayah, kejahatan, fitnah, dosa yang melampau-lampau, kufur yang terlalu amat, sifat munafik yang berhabis-habisan, fasik yang keterlaluan, zalim yang amat kejam, jahat yang bersangatan...

Hai Manusia! Begitu beraninya kamu yang berasal-usul kejahatan menyerang, melaknat dan melakukan segala kemungkaran dan kekejian ini terhadap Junjungan segala ciptaan, Penghulu anak keturunan Adam صلى الله عليه وسلم, terhadap isteri-isteri Baginda para Ummahatul Mukminin dan para sahabat Baginda صلى الله عليه وسلم yang merupakan golongan terbaik selepas para nabi dan rasul dan terhadap Ahlul Baitnya صلى الله عليه وسلم yang mereka itu bagaikan gugusan bintang dan bahtera keselamatan.

Apa pun ikhtilaf dan perselisihan yang telah berlaku (di kalangan sahabat) maka hukumnya sejak waktu berlakunya adalah kepada ALLAH Subhanahu wa Taala dan kepada Saiyidina wa Maulana Rasulullah Kekasih ALLAH صلى الله عليه وسلم. Tiada siapa pun yang berhak untuk masuk campur atau bercakap -tidak kira siapa orang itu- terhadap isu-isu tersebut yang tiada seorang pun dapat memahaminya walau berapa banyak ilmunya, hartanya, anak-pinaknya, popularitinya, kedudukannya, kekuasaannya, kaum kerabatnya dan pengikutnya.

Satu lagi contoh; Jaga-jaga dengan Syeikh itu! Saya telah hadir di satu majlisnya, dia berceramah: Bangunlah semua! Sekarang Nabi صلى الله عليه وسلم hadir dan mengucap salam kepada semua!... Orang yang membuat tuduhan ini sebenarnya tidak hadir pun dalam majlis tersebut, dia juga tidak mengenali syeikh yang dituduhnya, boleh jadi gambarnya pun dia tak

kenal dan seumur hidupnya belum pernah berjumpa dengan syeikh itu.

Lalu si tokoh pun mula menyerang dengan ganasnya terhadap syeikh fulan yang tertuduh, qazaf pun dilontar dan fitnah pun dilempar kepada syeikh fulan dengan mengecapnya sebagai kufur, zindik dan kejahatan itu ini. Si tokoh turut menyifatkan syeikh fulan dengan segala macam tohmahan yang dipelajari dari guru besarnya sang malaun As-Syaitanir Rojim atau yang dibacanya dari kitab-kitab kaum jahil atau dari majalah-majalah kuning atau dari surat-surat khabar merah, atau yang didengar dan ditontonnya dari filem-filem tak bermaruah.

Dari dimensi yang lain pula kita melihat sifat orang-orang fasik di zaman ini berbagai rupa dan ragam. Contohnya seorang personaliti dan ramai lagi yang sepertinya yang masing-masing mendakwa diri ilmuan -ilmu zaman sekarang- sedangkan seperdua ilmu di zaman Saiyidina Al-Imam Malik رضي الله عنه adalah : "Aku tidak tahu". Sekarang apa halnya zaman kita ini? Boleh jadi seluruh ilmu ialah kita tidak tahu.

Sang personaliti mengarang (maksud saya memetik... saya tak kata menciplak) banyak buku. Tapi dalam buku-bukunya itu dia tidak pernah menisbahkan bahannya kepada para pengarang asal bahkan tiada pula menyebut hatta sebagai sumber atau rujukan. Dengan muka tak malu dan tak kesahnya

dia berbangga bahawa dia menciplak, katanya kepada audiens semua orang lain juga mencuri dan merompak, semua orang juga saling ambil mengambil satu sama lain… Entahlah, apakah sang personaliti sedang memperdaya dirinya atau memperdaya audiensnya.

Satu lagi contoh; Ada seorang tokoh yang banyak memetik dari kitab Ihya' Ulumuddin karya Al-Imam Al-Ghazali رضي الله عنه dalam siri ceramah dan artikelnya, dia juga memetik dari kitab-kitab sufi yang lain. Namun dalam masa yang sama dia mengkafirkan para pengarang kitab-kitab tersebut dan melarang jemaah dan audiensnya dari memetik, membeli dan membacanya.

Inilah yang dikatakan oleh Al-Imam As-Syathibi رضي الله عنه dan turut dikatakan oleh ramai lagi ulama'ul 'amilin رضوان الله عليهم أجمعين:

ومن فسق هذا الزمان أن أهل الفسق ياخذون من علمنا ويكفرون اسمائنا وأشخاصنا

"...dan antara fenomena bejat zaman sekarang ialah ahli-ahli kefasikan mengambil dari ilmu kami dan dalam masa yang sama mengkafirkan nama kami dan batang tubuh kami". ...

ٱلْمُنَافِقُونَ وَٱلْمُنَافِقَاتُ بَعْضُهُم مِّن بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِٱلْمُنكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمَعْرُوفِ

"Orang-orang munafik lelaki dan perempuan setengahnya adalah sama dengan setengahnya yang lain; mereka masing-masing menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik,

وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُواْ ٱللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ ٱلْمُنَافِقِينَ هُمُ ٱلْفَاسِقُونَ

dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil kedekut), mereka telah melupakan (tidak menghiraukan perintah) ALLAH maka ALLAH juga melupakan (tidak menghiraukan) mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu, merekalah kaum yang fasik"- At-Taubah: 67.

Maka wajib lagi fardhulah ke atas kita, juga amat perlunya untuk kita mempastikan keabsahan apa segala berita yang rosak, yang berbau kejahatan, fitnah, permusuhan, memutus hubungan keluarga dan persahabatan.

[Apa yang mereka mahu sebenarnya dari berita-berita sebegini?] Apakah objektif mereka mahu menghapuskan seorang tokoh mulia yang terkenal, atau sang ulama yang beramal, atau seorang syeikh

yang murobbi, atau si fulan sufi yang muhaqqiq... Mereka sebenarnya mahu melenyapkan, meruntuhkan dan mencaing-caing keutuhan syariat sedangkan ianya tetap akan terpelihara, tetap, murni, tinggi, agung dan abadi.

Atau apakah objektif mereka mahu memadam, menyeleweng dan merubah nur tareqat sedangkan ianya tetap amat jelas, terang, mujarrab dan terkawal.

Atau apakah objektif mereka mahu mendustakan dan menodai hakikat dan haqaiq robbaniyyah sedangkan ianya tetap suci, kudus dan tersaksi.

Zaman dahulu para junjungan kami ahli Madinah Al-Munawwarah ada berkata: "Orang rosak akan membawa cerita rosak dan basi dari segala macam peristiwa, bangkai-bangkai hikayat, dan iklan-iklan yang tipu jua. Si penghasut, si pendusta dan si fasik akan mereka-reka cerita untuk menyalakan api fitnah, permusuhan dan perang serta menyebar kekejian dan kebejatan. Mereka amat mendokong perbuatan tidak berakhlak dan tujuan mereka yang paling besar ialah membuat kerosakan di muka bumi".

Kerana itulah Saiyidina wa Maulana Muhammad Ar-Rasul صلى الله عليه وسلم telah bersabda

"Orang Muslim tidak berbohong".

Kerana dasar dalam tiap perkara ialah bohong dan pembohong bererti melanggar segala ketetapan akal, wahyu dan logik.

Antara perkara dasar dalam Islam adalah tidak boleh melempar tuduhan, lalu apabila seorang insan melempar suatu tuduhan wajiblah baginya mendatangkan saksi, jika tidak dia dihukum sebat dan kesaksiannya tidak boleh lagi diterima serta dia menjadi golongan fasik. Inilah satu dari sisi kesempurnaan agungnya agama Islam kita yang suci murni supaya setiap orang tidak berani-berani melanggar orang lain…

Segala puji bagi ALLAH yang telah mengurniakan kita hidayah kepada Islam.

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاء فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

"Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik

إِلاَّ الَّذِينَ تَابُوا مِن بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ.

"Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka Sesungguhnya ALLAH Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani"- An-Nur: 3-5.

Ayat tadi mengenai orang jauh, yakni masyarakat umum. Sekarang mari kita lihat bagaimana pula jika orang dekat; suami dan isteri:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَاء إِلاَّ أَنفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ

"Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (sah pada Syarak) bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar,

وَالْخَامِسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِن كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ

dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa laknat ALLAH akan menimpa dirinya

jika ia dari orang-orang yang dusta.

وَيَدْرَأُ عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ

Dan bagi menghindarkan hukuman seksa dari isteri (yang kena tuduh) itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa suaminya (yang menuduh) itu sesungguhnya adalah dari orang-orang yang berdusta; -

وَالْخَامِسَةَ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِن كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ

dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa kemurkaan ALLAH akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar.

وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ وَأَنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ

Dan kalaulah tidak kerana adanya limpah kurnia ALLAH dan rahmatNya kepada kamu, dan juga (kalaulah tidak kerana) bahawa ALLAH Maha Penerima taubat, lagi Maha Bijaksana, (tentulah kamu akan akan mengalami kesusahan yang sukar diatasi)"- An-Nur: 5-10.

Dengan itu wajiblah perkhabaran orang fasik sentiasa diletakkan di kandang tertuduh, perlu ditapis, diteliti, dicermati, tafakkur dan berfikir terlebih dahulu. Dan wajiblah untuk tidak diambil darinya apa-apa keputusan melainkan setelah dikaji dari semua aspeknya yang dapat dilihat dan yang tidak dapat dilihat, dan setelah ia diungkai kerangkanya satu persatu, diperiksa, dipastikan dan disabitkan hakikatnya serta keabsahan dan kebenarannya.

Melalui ukuran ini agama Islam kita yang agung telah meletakkan segala jaminan yang diperlukan bagi menjamin keselamatan masyarakat dan menjaga hak-hak asasi seluruh jin dan manusia.

Kita akhiri dengan sepotong ayat yang agung, yang memberi khabar gembira kepada hamba-hamba ALLAH yang Mukminin dan Mukminat, dan kita berdoa kepadaNya, meminta dan merayu... ya ALLAH yang maha Menutup Segala Kekurangan, Maha Berbudi lagi Maha Santun, jadikanlah kami kalangan hambaMu yang mendengar perkataan lalu mengikut yang terbaiknya, dan jadikanlah kami kalangan para abdiMu yang solihin.

وَعَدَ اللهُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا

"ALLAH menjanjikan orang-orang yang beriman

lelaki dan perempuan (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya.

وَمَسَاكِنَ طَيِّبَةً فِي جَنَّاتِ عَدْنٍ وَرِضْوَانٌ مِّنَ اللهِ أَكْبَرُ ذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam Syurga Adn serta keredhoan dari ALLAH yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar"- At-Taubah: 71-72.

وصلى الله على سيدنا مولانا محمد وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا إلى يوم الدين. سبحان ربك رب العزة عما يصفون وسلام على المرسلين والحمد لله رب العالمين.

MAAF : Artikel ini hanya untuk mereka yang minta dirinya berada jauh dari mengikut hawa nafsu dan jauh dari rasa bangga dengan pendapat sendiri.

Bilakah Dasar-dasar Ini Dapat Dikembalikan Dalam Hidup Kita

30 November 2011

Kita wajib mengakui bahawa Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم adalah satu-satunya guru yang sempurna dalam urusan muamalat (hubungan dua hala) antara abdi dengan Tuhannya.

Kalaulah ada keperluan kita terhadap asabiyyah dan taksub maka ia sewajibnya hanya kepada Junjungan kita Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلم , bukan kepada peribadi lain tidak kira siapa orangnya apakah dia syeikhul islam atau ulama atau penuntut ilmu atau semata-mata orang awam.

Saya mohon saudara-saudari pembaca untuk memahami perkara ini, renungi dalam-dalam secara keseluruhan dan terperinci kerana ia sangat

merbahaya.

Ahli maqam Islam ada penentang dan musuhnya, ada pencinta dan pembantunya. Begitulah juga dengan ahli maqam Iman dan demikian pula halnya dengan ahli maqam Ihsan.

"Ku mohon istighfar kepada ALLAH yang Maha Agung atas taqsir (kekurangan)ku pada setiap amalan zikir, ibadat dan ketaatan, aku pohon istighfar padaNya sebanyak bilangan nafasku".

Inilah keadaan yang wajib kita berada padanya kerana kita sekalian adalah abdi kepada ALLAH Subhanahu wa taala Tuhan yang Maha Raja, Maha Benar lagi terang nyata.

Akhlak baik dan keperibadian mulia itu lahir dari hati, manakala akhlak keji lagi buruk itu lahir dari nafsu. Kerana itu wajiblah kita mempelajari apa bezanya antara amalan hati dan amalan nafsu.

Seorang murid yang menuntut ALLAH Subhanahu wa Taala (iaitu murid sejati) akan mengorak langkahnya mengambil janji kitab (persetiaan untuk memurnikan nafsu yang bertempat di tengah dahinya) dengan penuh kekuatan dan komitmen melalui:

(1) Riyadhah (latihan) jiwa

(2) Penyucian hati

hinggalah semua akhlaknya yang buruk bertukar

menjadi baik.

Maka si murid sejati pun menukar syak (dalam dirinya) kepada tasdiq (ketulusan) dalam menuntut jalan menuju ALLAH Taala.

Si murid sejati menukar syirik kepada tauhid

sikap melawan kepada *taslim* (menerima)

marah dan membangkang kepada redho dan *tafwidh* (menyerah bulat-bulat)

alpa kepada *muroqobah* (awas)

tafriqah (tercaing-caing) kepada *jam'iyyah* (menghimpun hemah)

kasar kepada kelembutan

keras kepada rahmat

dendam melulu kepada nasihat

dari melihat keaiban orang kepada menundukkan pandangan bahkan melihat kepada kebaikan dan kebajikan mereka.

Si murid sejati melihat dirinya sendiri masih belum memenuhi segala hak ALLAH Taala dalam hidupnya, dia masih belum mensyukuri segala nikmat dapat mengerjakan kebaikan yang ALLAH Subhanahu wa Taala berikan padanya.

Maka di situlah nanti si murid sejati tahqiq pada *`ubudiyyah* (kehambaan)nya, murni tauhidnya, enak

hayatnya dan dia hidup bersama ALLAH Subhanahu wa Taala seperti kehidupan ahli syurga di taman-taman syurgawi. Inilah akhlak para nabi, siddiqin, awliya', solihin dan ulama'ul amilin.

Allahumma kurniakanlah kami tahqiq segala hal itu di setiap tempat dan masa.

MAAF : Semua nilai ini amat kita perlukan di zaman sekarang… tapi bagaimana mendapatkannya????

Istikharah.